



MHI mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada penganut agama Hindu



# #prnmelaka2021 Senarai calon hampir dimuktamadkan

- BN cadang tampil muka baharu, orang muda - Zahid
- UMNO setuju persefahaman politik dengan PAS
- PN setuju guna satu lambang
- PN tidak tunggu sesiapa - Rafiq
- PKR umum agihan kerusi, guna satu lambang **2,3&4**



**BN lancar jentera PRN Melaka** 2

# BN berwajah baharu di Melaka - Zahid

Faiz Hasan

**KUALA LUMPUR** - Barisan Nasional (BN) memberi jaminan akan memperkenal muka baharu untuk dicalonkan dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka 20 Nov depan.

Pengerusinya, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, ia sekali gus memberi peluang anak muda terbaik untuk diketengahkan untuk mewarisi kepimpinan parti itu.

Ahmad Zahid berkata, selain itu, calon PRN dari gabungan parti itu juga perlu mempunyai ciri 'WALI'.

Ciri itu, jelasnya merangkumi aspek boleh menang (*winnable*), diterima (*acceptable*) dan disukai (*likeable*).

"Calon-calon ini mesti ada sifat WALI, '*winnable*', '*acceptable*' dan '*likeable*', dan jangan ada '*undatable*' atau ada '*cable*'.

"Wali... sifat wali Allah ertiinya yang mempunyai ilmu yang boleh diterima oleh semua agama, semua kaum, semua keturunan di negeri Melaka.

"Saya yakin kali ini perubahan satu gelombang politik tanah air yang akan bermula di negeri Melaka, kerana di sinilah segala-galanya bermula," katanya.



AHMAD Zahid berucap ketika Majlis Pelancaran Jentera BN di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Jentera BN Pilihan Raya Melaka 2021 di Pusat Dagangan Dunia (WTC), 27 Okt lalu.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid yang juga Presiden UMNO mengatakan tidak akan berlaku unsur-unsur pilih kasih dalam pemilihan calon bagi PRN Melaka.

Katanya, calon-calon yang akan dipilih nanti bukanlah pilihan beliau sendiri malah pun pemimpin tertinggi parti, sebaliknya ia calon yang harus dimenangkan parti itu.

Dalam padaitu, beliau berkata, BN juga akan menampilkkan manifesto terbaik yang dekat di hati rakyat pada PRN itu nanti.

"Saya telah memberitahu ja-

watankuasa pilihan raya biarpun manifesto pendek tetapi (mesti) lekat dihati, '*something doable*' sebabnya manifesto ini akan dibawa oleh calon-calon sebagai hidangan kepada pengundi di tempat mereka," katanya.

Dalam ucapannya, beliau turut memuji kepimpinan yang ditunjukkan Ketua Menteri Datuk Seri

Utama Sulaiman Md Ali sepanjang 19 bulan menerajui negeri itu.

Beliau menyifatkan keperibadian Sulaiman persis Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam sewaktu menjadi Ketua Menteri Melaka suatu ketika dahulu.

"Dengan bertemu menterikan Datuk Seri Sulaiman, beliau mempunyai pendekatan yang hampir dengan Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam, teruskan Datuk Seri dengan pendekatan itu.

"Rakyat Melaka sayangkan Datuk Seri Sulaiman, saya dapat maklum balas, bukan sahaja orang Melayu sayangkan Datuk Seri Sulaiman, orang Cina, India juga sayangkan Datuk Seri Sulaiman... teruskan," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai peluang BN pada PRN Melaka, Ahmad Zahid melaungkan keyakinan pengundi masa kini tidak lagi melihat kepada lambang parti.

Sebaliknya, ujar beliau, pengundi berbilang kaum semakin bijak dan hanya mahu memilih kerajaan yang benar-benar stabil.

Untuk itu, teglasnya, hanya BN yang benar-benar mampu memenuhi hasrat tersebut.

## UMNO teruskan persefahaman politik dengan PAS

**KUALA LUMPUR** - Mesyuarat Khas Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO memutuskan untuk meneruskan persefahaman politik dengan PAS.

Setiausaha Agung UMNO Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, keputusan itu selaras dengan ketetapan

Perhimpunan Agung UMNO 2020, iaitu memperkuatkan Muafakat Nasional (MN).

Jelasnya, antara asas persefahaman dengan PAS berpandukan kepada prinsip PAS menggunakan lambang partinya sendiri.

"Asas persefahaman

dengan PAS berpandukan kepada prinsip bahawa PAS menggunakan lambang partinya sendiri selaras dengan semangat dan ketetapan Jawatankuasa Induk Muafakat Nasional dalam Mesyuarat pada 19 Oktober 2020 dan 18 November 2020.

"Ini adalah untuk

mengelakkan pertembungan sesama sendiri dan pada masa yang sama mengekalkan penggunaan lambang parti masing-masing dalam pilihan raya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO di

Pos Dagangan Dunia (WTC), 28 Okt lalu.

Mesyuarat itu telah diadakan Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Dalam pada itu, beliau berkata, MKT juga memutuskan segala keputusan berkaitan PRN hanya akan

dimuktamadkan oleh Ahmad Zahid yang juga Presiden UMNO, Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Mohamad Hasan dan Perdana Menteri (Naib Presiden), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Katanya lagi, sekiranya PAS menetapkan pendirian untuk menggunakan lambang Perikatan Nasional (PN) dalam PRN Melaka, perkara itu akan dirunding dan dimuktamadkan semula oleh Ahmad Zahid, Mohammad dan Ismail.

Sementara itu, Pesuruhjaya PAS Melaka, Datuk Kamarudin Sidek menyatakan penghargaan kepada UMNO yang sudi meneruskan persefahaman politik dengan parti itu bagi menghadapi PRN Melaka.

Namun, katanya, segala keputusan hanya akan diputuskan oleh PAS di peringkat pusat yang akan bersidang pada Ahad (31 Okt).

"Pada dasarnya, PAS Melaka ucapan terimakasih dengan perkembangan terbaru itu.

"Tapi apapun, kami perlu tunggu respon daripada PAS pusat untuk memuktamadkan soal kerjasama itu," katanya.



AHMAD (kiri) bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (dua dari kiri), Penggerusi BN Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (dua dari kanan) dan Penggerusi Lembaga Penasihat BN Datuk Seri Najib Tun Razak (kanan) melaungkan semangat perjuangan bagi BN menghadapi PRN Melaka, 20 Nov depan.

# Dimensi baharu politik Melaka - Rauf

**MASJID TANAH** - Pemilihan muka baharu pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, 20 Nov depan disifatkan sebagai satu dimensi baharu untuk struktur politik negeri ini.

Pengerusi Perhubungan UMNO Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, pemilihan calon muda sangat penting kerana ia dapat menjadi langkah awal dalam 'meremajakan' parti itu.

"Kalau letak calon muda pada saya ia akan menarik minat kerana seperti saya katakan, langkah untuk remajakan parti mesti bermula dari awal."

"Calon-calon (muda) ini juga sesuai dengan zaman yang sedang kita alui sekarang.

"Lagipun, harapan semua terutama rakyat Melaka itu sendiri mahu melihat satu dimensi baharu dalam politik Melaka yang akan kita lihat pada PRN Melaka itu nanti," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media yang diadakan di sini, 29 Okt lalu.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata, sebarang keputusan mengenai calon itu bagaimanapun terserah kepada pucuk pimpinan yang akan menilai, menyaring dan menentukan calon yang bersesuaian.

"Apapun, saya melihat ia satu langkah yang baik sekiranya parti telah menyaring

dan membuat pertimbangan untuk memilih calon muda yang bersesuaian.

"Saya sangat berharap orang muda bersedia untuk mewarisi perjuangan ini dengan mengetengahkan mereka sebagai pemimpin sewaktu PRN yang akan datang," katanya.

Sebelum ini, Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi mengumumkan parti itu akan menampilkan ramai calon muka baharu dan muda pada PRN Melaka.

Kata-kata itu diungkapkan ketika beliau berucap dalam Majlis Pelancaran Jentera BN PRN Melaka 2021 di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur.



AB Rauf berucap dalam Majlis Pelancaran Jentera BN Pilihan Raya Negeri Melaka 2021 di Pusat Dagangan Dunia.

## 'Saya hanya bercuti, bukan berkempen' - Najib

Faiz Hasan

**TANJUNG KLING** - "Saya hanya datang bercuti dan bersantai saja dan tak boleh disifatkan sebagai berkempen untuk pilihan raya," kata bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau yang juga Pengerusi Lembaga Penasihat Barisan Nasional (BN) berkata, kehadirannya itu hanyalah atas dasar melancong ke Melaka atas jemputan Ketua UMNO Bahagian Tangga Batu, Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad.

Di kesempatan itu, beliau mengambil peluang beramah mesra dengan penduduk sekitar dan bertemu kawan-kawan lama.

"Saya tidak buat tinjauan politik, cuma saya lebih kepada ingin beramah mesra dengan penduduk di kesempatan saya bersantai (di



NAJIB (dua dari kanan) bersama Mohamad Ali (kanan) mengunjungi gerai nelayan di Pantai Kundor untuk membeli ikan segar. FOTO: Najib Razak

sekitar Pantai Kundor dan Tanjung Kling).

"Saya melihat kawasan ini ber-

potensi untuk dimajukan dan pada masa sama saya berpuas hati dengan pembangunan dan kemudahan

untuk nelayan yang disediakan sejak era pemerintahan BN sebelum ini.

"Ia menunjukkan dasar yang dibawa BN telah mengubah keadaan hidup di kawasan ini," katanya ketika ditemui media selepas makan tengah hari di Jeti Nelayan Kampung Hailam, 30 Okt lalu.

Sebelum ini, Najib dilaporkan akan membawajenama 'Bossku' sebagai antara langkah menarik pengundi muda dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang dijadual pada 20 Nov.

"Bossku" satu merupakan satu gerakan di peringkat akar umbi UMNO dalam kalangan orang muda, ada juga yang kata dia satu faktor (kejayaan) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) sebelum ini.

"Tetapi untuk disebabkan PKP dan sebagainya, sudah agak lama saya tidak buat program atas nama Bossku, jadi kita lihatlah keberkesanan dan impaknya (pada PRN) nanti," katanya.

## PRN Melaka: Ketengah lebih ramai calon wanita

Fiqah Jamal

**AYER KEROH** - Wanita Barisan Nasional (BN) Melaka mencadangkan lebih ramai calon wanita dikenyalah dalam Pilihan Raya Negeri (PRN), 20 Nov depan.

Ketuanya, Datuk Wira Latipah Omar berkata, hal itu seiring dengan cadangan asal yang diperjuangkan sayap parti itu yang sebelum ini meletakkan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada 28 calon yang bertanding adalah dalam kalangan wanita.

Beliau bagaimanapun berharap, pucuk pimpinan parti dapat mempertimbangkan sekurang-kurangnya seorang calon wanita setiap kawasan Parlimen di negeri itu untuk bertanding dalam PRN terbabit.

"Kita akan akur dengan setiap keputusan parti, di mana kita telah mencadangkan kepada pucuk kepemimpinan, namun terpulang kepada Pengerusi BN untuk menentukan kelak," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, beliau yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning berkata, semua petugas Jalinan Rakyat (JR) di negeri ini sudah diperlengkap dengan pelbagai rangka kerja untuk memastikan pengundi memilih BN pada PRN itu.

Jelasnya, antara kaedah yang dirancang ialah dengan memastikan pengundi yang sudah dipastikan menyokong BN untuk keluar mengundi.

"Ahli kita terdiri dari pada anggota JR akan mengambil mereka (pengundi) di rumah masing-masing untuk dibawa mereka ke pusat mengundi serta mengantar semula pulang kerumah.

"Kita tidak boleh lagi

duduk di pintu pagar dan hanya menjadi pencatat seseorang itu sudah keluar mengundi atau belum, sebaliknya akan pergi ke rumah mereka dan membawa mereka ke pusat mengundi.

"Cara itu akan dilakukan terus sehingga waktu mengundi tamat," katanya lagi.

Pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu, BN Melaka mencalonkan tiga calon wanita membabitkan dua kerusi DUN dan satu Parlimen.

Latipah dicalonkan di kerusi DUN Taboh Naning, Datuk Wira Norpipah Abdol di kerusi DUN Rembia manakala Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin pula di kerusi Parlimen Masjid Tanah.



LATIPAH

## BN dijangka lancar manifesto 8 Nov

**MELAKA** - Barisan Nasional (BN) dijangka melancarkan manifestonya pada 8 Nov ini bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Pelancaran manifesto itu dikhabarkan akan diadakan pada tarikh sama hari penamaan calon yang ditetapkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Menurut sumber, difahamkan terdapat 80 manifesto telah disenaraikan BN.

Namun, jumlah sebenar tawaran untuk rakyat Melaka masih belum dimuktamadkan.

Pada Majlis Pelancaran Jentera PRN Melaka yang diadakan di Kuala Lumpur, 28 Okt, Pengerusi BN, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dipetik berkata, manifesto yang akan dibentangkan mestilah ringkas, relevan dan dekat dihati.

Katanya, hal itu penting kerana manifesto itulah yang akan dibawa oleh calon-calon BN sebagai hidangan kepada pengundi di tempat masing-masing.

# PN tidak tunggu sesiapa

Farah Suhaidah Othman

**AYER KEROH** – Perikatan Nasional (PN) sentiasa bersedia dan tidak pernah menunggu keputusan mana-mana parti bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) negeri, 20 Nov depan.

Pengerusi PN Melaka, Datuk Wira Mohd Rafiq Naizamohideen berkata, gabungan itu akan terus memfokuskan kepada persiapan dan gerak kerja bagi mendapatkan keyakinan rakyat terhadap PN.

Katanya, sebarang keputusan yang dibuat UMNO berhubung jalinan kerjasama dengan PAS adalah hak parti itu sendiri.

"Itu keputusan UMNO, kita Bersatu



RAFIQ

terima apa sahaja keputusan UMNO dan kita kena buat persiapan atas nama PN Melaka, kita tidak pernah menunggu sesiapa.

"Kalau rakyat tengok, sejak Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan, kita parti komponen PN, antara PAS, Bersatu dan Gerakan telah buat persiapan kita.

"Kita konsisten akan bertanding atas PN seperti mana dimaklumkan presiden parti, Tan Sri Muhyiddin Yassin, itulah keputusan parti komponen dalam PN untuk bertanding atas tiket PN," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan perayaan Deepavali di Projek Perumahan Ra-

kyat (PPR) Tehel, 29 Okt lalu.

Mohd Rafiq yang juga Ketua Badan Pimpinan Bersatu Melaka berkata, beliau yakin PAS akan terus bersama PN bagi menghadapi PRN yang dijadualkan pada 20 November ini.

Jelasnya, perkara itu dibuktikan menerusi komitmen parti komponen itu mengatur gerak jentera masing-masing bagi menghadapi pilihan raya berkecuali.

"Saya fikir kenyataan telah dibuat bahawa PAS adalah salah satu daripada komponen PN, tak timbul isu memujuk ataupun apa dan saya tengok komitmen PAS untuk bersama PN sentiasa berada pada tahap tertinggi termasuk dari segi jentera serta juga semua program yg telah kita gerakkan ke akar umbi."

"Insya-Allah ada sedikit sahaja lagi yang perlu diselesaikan dan kita akan umumkan sebelum penamaan calon nanti," katanya.

# PH selesai agih kerusi PRN Melaka

**KUALA LUMPUR** - Pakatan Harapan (PH) mengumumkan gabungan berkenaan telah selesai mengagihkan kerusi ditandingi komponennya dan sepakat menggunakan logo PH dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka 20 Nov ini.

Pengerusi PH Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata daripada keseluruhan 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), Parti Keadilan Rakyat (PKR)



ANWAR

akan bertanding di 11 kerusi, Parti Amanah Negara (Amanah), sembilan dan DAP, iapan kerusi. "Pembahagian kerusi dalam amalan politik bersama parti-parti ini, satu proses yang panjang, dari peringkat DUN ke peringkat negeri dan negeri diberikan ruang yang panjang untuk berbahas dan memuktamadkan. Setelah itu barulah dikemukakan kejawatankuasa khas mewakili pimpinan parti sebelum dibawa ke Majlis Presiden.

"Setakat ini keputusan kita DAP kekal iapan, Amanah, sembilan dan PKR 11," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat PKR di Kuala Lumpur, 29 Okt lalu dan dihadiri Presiden Amanah Mohammad Sabu dan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

Anwar yang juga Presiden PKR berkata kesemua komponen PH-PKR, DAP, Amanah dan Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu (UPKO) - juga sebulat suara bersetuju untuk gabungan berkenaan bertanding menggunakan logo PH dalam PRN berkenaan.

"Jadi kita berjuang atas satu logo, satu pendirian dan satu manifesto bagi peringkat negeri," katanya.

Anwar berkata selain itu, perbincangan PH juga turut memuktamadkan agihan kerusi Parlimen negeri itu yang akan ditandingi pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

"Kita juga berbincang jangka panjang pembahagian kerusi Parlimen yang juga telah kita putuskan iaitu PKR kekal dua, Amanah dua dan DAP akan tambah Parlimen Alor Gajah kerana ini kawasan tradisional DAP tetapi didesak Bersatu dalam pilihan raya umum yang lepas (untuk bertanding) dan kini kita serah kembali kepada DAP," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai rundingan bersama Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) yang berhasrat bertanding bersama dengan blok PH, Anwar berkata perbincangan masih berlangsung. -BERNAMA

## 'Saya akur bertanding atau tidak'

Din Ahmad

**LENDU** – "Saya akur kepada keputusan pucuk pimpinan sama adabertanding atau sebaliknya dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka," kata Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin.

Ketua Bersatu Bahagan Masjid Tanah itu berkata, beliau sanggup menerima apa sahaja keputusan pemimpin Bersatu, khususnya Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai aspek berkenaan.

Bagaimanapun, setakat ini beliau yang juga Ahli Parlimen Masjid Tanah belum menerima sebarang arahan daripada barisan kepimpinan tertinggi parti berkenaan.

"Saya tidak tahu, terserah kepada pucuk pimpinan parti...

sekarang pun saya sudah ada banyak kerja sebagai Ahli Parlimen.

"Tugas sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun memang banyak dan perlu diberikan perhatian serius," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan Deepavali kepada 200 anggota komuniti India dalam Parlimen Masjid Tanah di Dewan Kompleks Sukan Masjid Tanah, 29 Okt lalu.



MAS ERMIEYATI

untuk bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, 20 Nov depan.

Presiden MUDA, Syed Saddiq Syed

Abdul Rahman berkata pihaknya sedang mengadakan rundingan dengan blok pembangkang berhubung agihan kerusi yang akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

"MUDA telah buat pendirian tetap untuk bertanding dalam PRN dan kita akan berunding dengan parti pembangkang dan akan mengumumkan perkara ini bersama selepas tempoh rundingan tamat.

"Kita nak letak nama MUDA untuk bertanding dalam semangat membawa perubahan jelas itu," katanya ketika ditemui pada sidang media di Bangunan Stadhuis, 27 Okt lalu.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ahli Parlimen Muar berkata, dalam beberapa siri rundingan itu, pemilihan logo parti pembangkang antara perkara yang dibincangkan.

"Saya dimaklumkan PH sedang membincangkan logo apa bersesuaian pertandingan ini, tetapi yang jelas mana-mana gabungan kita serta, kita perlu tekankan tiga perkara iaitu, politik rakyat berbilang bangsa dan agama, politik moderat dan politik dasar dan politik khidmat.

"Kita tolak politik katak, tidak berintergriti dan bersandarkan pangkat dan jawatan semata mata," katanya.



SYED Saddiq bersama Ketua MUDA Melaka, Yosh Wong (kanan) pada sidang media mengenai pengumuman MUDA bertanding dalam PRN Melaka di Banda Hilir, baru-baru ini.

## PN guna satu lambang

**KUALA LUMPUR** - Perikatan Nasional (PN) sepakat untuk menggunakan satu lambang sahaja pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Pengerusinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kesepakatan itu telah dicapai oleh semua parti komponen iaitu Bersatu, PAS dan Gerakan dalam Mesyuarat Khas Majlis Tertinggi PN pada 25 Okt lalu.

Beliau juga berkata,

rundingan kerusi-kerusi yang akan ditandingi oleh PN akan dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Rundingan Kerusi parti.

Tambahnya, semua parti komponen PN telah diarahkan untuk menggerakkan sepenuh jentera parti masing-masing dan menggembeleng seluruh tenaga bagi memenangi kepercayaan rakyat Melaka agar mencapai kejayaan dalam PRN.

# Melaka terima limpahan manfaat Bajet 2022

Faiz Hasan

**MASJID TANAH** - Melaka tidak terkecuali dalam mendapat manfaat besar dari pada pembentangan Bajet 2022 yang diumumkan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada 29 Okt.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, pelbagai sektor bakal menerima limpahan per-

tukan keseluruhan berjumlah RM332.1 billion itu terutama membabitkan sektor pendidikan, kesihatan dan pelancongan.

Namun, beliau berkata, untuk Melaka, fokus utama yang akan diberi perhatian ialah mengatasi isu banjir yang sering berlaku memandangkan perkara itu turut disebut dalam pembentangan berkenaan.

Justeru, katanya, pelan-

jangka pendek bagi mengatasi banjir akan dirangka segera supaya masalah itu segera di atasi.

"Di sini kajian ada kita buat, jangka pendeknya akan menjadi keutamaan untuk kita serahkan kepada pihak yang berkenaan untuk bajet yang dikeluarkan bagi mengatasi masalah banjir."

"Setakat ini kita telah mengenal pasti beberapa kawasan yang kita tahu sering

berlakunya banjir yang mana sayadah minta pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melihat semula kawasan-kawasan ini.

"Jadi kajian memang sudah dijalankan ketika ini dan pada masa sama saya berharap projek tebatan banjir yang telah diluluskan sebelum ini dapat disiapkan segera," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas

menghadiri Persidangan Tahunan UMNO Cawangan Durian Daun di Masjid Tanah, 30 Okt lalu.

Dalam pada itu, beliau turut mengarahkan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka untuk mengkaji dan mencari peluang yang boleh dimanfaatkan Melaka dalam pembentangan bajet berkenaan.

"Saya mengarahkan pihak UPEN untuk mengkaji



SULAIMAN

kembali bajet ini dan melihat dimanakah peluang-peluang yang mungkin tidak disebut tetapi ianya boleh dicapai kebaikan negeri Melaka.

"Begini juga bajet-bajet pada kementerian-kementerian yang telah pun dimaklumkan," katanya lagi.

## Bajet 2022 lonjak pertumbuhan, kukuh pemulihan

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan mengumumkan peruntukan bernilai RM332.1 billion bagi 2022 yang merupakan satu lagi belanjawan tertinggi untuk memperkuuh pemulihan negara dengan kemakmuran perniagaan, di sebalik kekangan ruang fiskal, ketidakpastian global yang berterusan dan risiko peningkatan semula kes COVID-19.

Dibentangkan Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz di Parlimen pada 29 Okt, Bajet 2022 itu mendukung tiga paksi utama iaitu memperkuuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan.

Peruntukan bajet yang bersamaan dengan 20.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) itu hampir tiga peratus melebihi RM322.5 billion yang diumumkan untuk Bajet 2021, dengan jangkaan peningkatan hasil kerajaan bagi tahun 2022 kepada RM234 billion.

Daripada jumlah berkenaan, RM233.5 billion atau 70.3 peratus daripada keseluruhan Bajet akan disalurkan sebagai perbelanjaan mengurus (OE) manakala RM75.6 billion (22.8 peratus) untuk perbelanjaan pembangunan (DE) dan bakinya RM23 billion kepada Kumpulan Wang COVID-19.

"Sejumlah RM2 billion turut disediakan sebagai simpanan luar jangka," kata Tengku Zafrul semasa membentangkan Bajet 2022 bertemakan 'Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera'.

Beliau berkata Kementerian Pendidikan akan terus menerima peruntukan terbesar, iaitu RM52.6 billion (16 peratus) daripada keseluruhan anggaran perbelanjaan persekutuan, manakala sebanyak RM32.4 billion akan disalurkan kepada Kementerian Kesihatan untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

Matlamat Bajet 2022 kekal dengan tiga fokus utama, iaitu rakyat yang sejahtera, perniagaan yang berdaya tahan serta ekonomi yang makmur dan mampan.

Tengku Zafrul menambah Bajet 2022 yang diajarkan kepada Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) telah diadun sebagai kesinambungan daripada pakej bantuan selain rangsangan ekonomi sebelum ini juga ditambah baik serta dilengkapi usaha baharu untuk membentuk sebuah bajet yang inklusif, mampan dan seimbang.

Menyentuh isu cukai, Tengku Zafrul berkata kerajaan bercadang memperkenalkan cukai khas secara one-off iaitu 'cukai makmur' kepada syarikat yang menjana pendapatan bercukai tinggi, dengan RM100 juta pertama akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 24 peratus dan pendapatan bercukai selebihnya akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar

33 peratus bagi tahun taksiran 2022.

Pada masa sama, beliau menambah aktifiti pembrokeran dagangan saham tersenarai tidak lagi dikenakan cukai perkhidmatan.

Sementara itu, untuk mengubahsuai fasiliti perniagaan supaya mematuhi keperluan prosedur operasi standard (SOP) seperti pengudaraan serta ruang duduk pelanggan dan pekerja, kerajaan bercadang melanjutkan potongan cukai ke atas kos pengubahsuaian dan pembaharuan premis sehingga RM300,000 sehingga 31 Dis 2022.

Kerajaan juga akan melanjutkan pelepasan khas cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 ke atas pembelian telefon bimbit, komputer dan tablet sehingga 31 Dis 2022, serta meluaskan pelepasan cukai sehingga RM4,000 kepada pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meliputi caruman secara sukarela seperti mereka yang bekerja sendiri dalam sektor gigi.

Dalam pada itu, Tengku Zafrul berkata untuk meringankan kos sara hidup, KWSP akan melanjutkan tempoh pengurangan kadar caruman minimum kepada sembilan peratus daripada 11 peratus sehingga Jun 2022, melibatkan anggaran RM2 bilion.

Beliau menambah bagi mengurangkan kos pemilikan kenderaan, kerajaan akan melanjutkan 100 peratus pengecualian cukai jualan ke atas kenderaan penumpang pemasangan tempatan (CKD) dan 50 peratus ke atas unit import sepenuhnya (CBU), termasuk kenderaan pelbagai guna (MPV) dan kenderaan utiliti sukan (SUV) sehingga 30 Jun 2022.

Tengku Zafrul juga berkata dalam membina daya tahan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), kerajaan bercadang memperuntukkan sekurang-kurangnya RM30 bilion untuk perbelanjaan modal dan pelaburan pada tahun 2022.

Manakala bagi pelaburan pula, dana khas pelaburan strategik sehingga RM2 billion disediakan bagi menarik pelaburan asing strategik dalam kalangan syarikat multinasional, khususnya yang dapat melengkapkan rantai nilai industri dan memacu penjanaan pekerjaan berteraskan pengetahuan dan peluang pembangunan perusahaan kecil dan sederhana.

Selain itu, kerajaan akan menerbitkan Sukuk Kelestarian bernilai sehingga RM10 billion untuk disalurkan kepada projek sosial atau mesra alam yang layak.

Dalam usaha merapatkan jurang ekonomi, Tengku Zafrul berkata kerajaan akan menumpukan kepada usaha melaksanakan projek-projek utama negara supaya ia dapat

memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat serta merapatkan jurang ekonomi antara lokaliti.

Katanya lagi, bajet ini turut memperun-

tukkan RM25 juta untuk meneroka pelaburan berimpak tinggi dan pasaran eksport baharu melalui Misi Perdagangan dan Pelaburan. - BERNAMA



INFOGRAFIK : MELAKA HARI INI SUMBER : MENTERI KEWANGAN, TENGKU DATUK SERI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ

### RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 1-5 NOVEMBER 2021

Isnin 1/11/2021	Selasa 2/11/2021	Rabu 3/11/2021	Khamis 4/11/2021	Jumaat 5/11/2021
Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Ribut petir di satu dua tempat	Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Ribut petir di satu dua tempat	Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Ribut petir di satu dua tempat	Pagi: Ribut petir di satu dua tempat Petang: Tiada hujan	Pagi: Ribut petir di satu dua tempat Petang: Tiada hujan
Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°

INFOGRAFIK : MELAKA HARI INI SUMBER : JABATAN METEOROLOGI MELAKA (MetMalaysia)



SULAIMAN menyantuni peniaga di sekitar Hang Tuah Jaya.

## Melaka Bebas Berniaga pasti akan diteruskan

**MASJID TANAH** - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali memberi jaminan akan meneruskan inisiatif Melaka Bebas Berniaga pada tahun hadapan sekiranya diberi mandat sekali lagi.

Beliau berkata, pelbagai perancangan demi kesejahteraan telah dirangka sebelum ini, namun ia tergendala susulan kekecohan politik yang berlaku di negeri ini yang memaksa Pilihan Raya Negeri (PRN) diajukan.

"Hasrat saya untuk membantu lagi peniaga-peniaga, selagi COVID-19 ini belum berakhir, maka niat dan hasrat untuk sambung (Melaka Bebas Berniaga) sampai tahun hadapan.

"Banyak rancangan-rancangan menjurus kepada rakyat tidak dapat saya laksanakan, tidak dapat bentang-

kan akibat berlaku kekecohan politik membuatkan DUN terpaksa dibubar-kam.

"Insya-Allah kalau saya diberi peluang, lebih banyak perkara-perkara menyentuh kepada rakyat akan saya berikan perhatian selagi COVID-19 belum berakhir," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini (MHI) selepas penyampaian Bantuan MAIM (Al-Ma'niah Al Amal) anjuran Persatuan Peniaga dan Pengusaha Kecil Melayu Negeri Melaka di Kampung Pulau, 24 Okt lalu.

Hadir sama, Pengurus Penasihat Barisan Nasional, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Pengurus Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Terdahulu, seramai 296 pe-

nerima membabitkan peniaga dan penjaja kecil di Masjid Tanah menerima bantuan sebanyak RM350.

Peruntukan yang melibatkan nilai RM 103,600 itu bagi tujuan membantu meringankan beban yang ditanggung para peniaga kecil yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

**“ Insya -Allah kala u sa ya d i b e n i p e lu ng , le b i h b a n y a k p e r k a r a -p e r k a r a me n y e nt u h k e p a d a r a k y a t a k a n sa ya b e n k a n p e r h a t i a n s e l a g i C O V I D -1 9 b e l u m b e r a k h i r ”**

## Kebajikan masyarakat India tidak dilupa

**SERI BENDAHARA** – Kebajikan masyarakat berbilang kaum, agama dan bangsa di negeri ini, akan sentiasa dijaga kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Katanya, setiap kali tiba musim perayaan, kerajaan negeri sentiasa ke hadapan dalam menghulurkan sumbangan khusus buat mereka yang kurang berkemampuan.

Justeru, bersempena Deepavali yang akan disambut pada 4 Nov, Sulaiman berkata, kerajaan negeri turut tidak terkecuali menyampaikan sumbangan kepada 1,120 masyarakat India di negeri ini.

"Alhamdulillah syukur dapat membantu golongan ini, ini bukti bahawa kerajaan negeri tidak pernah melupakan rakyat di negeri ini tidak mengira bangsa dan agama.

"Diharap sumbangan yang diberikan kepada orang kurang upaya (OKU), warga emas dan golongan kurang berkemampuan dalam kalaangan masyarakat India ini dapat meringankan beban mereka tatkal

menyambut perayaan itu nanti.

"Inilah budaya kita, hidup dalam pelbagai etnik berbilang kaum seperti Melayu, India dan Cina itulah keunikan negeri dan negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Perayaan Deepavali Tahun 2021 Negeri Melaka di Dewan Seri Bendahara, 25 Okt lalu.

Sementara itu, penerima sumbangan, S.P Inndralandi, 52, ketika ditemui bersyukur menerima sumbangan buat pertama kali sekali gus meringankan bebananya untuk melakukan persiapan sambutan Deepavali.

"Saya kerja sebagai operator, persediaan Deepavali sedang berjalan, terima kasih banyak kepada kerajaan negeri kerana saya memang perlukan sumbangan untuk sambutan Deepavali nanti.

"Dapatlah membantu sedikit perbelanjaan sebab biasanya lebih RM2,000 kami belanjakan untuk perayaan itu," katanya.



SULAIMAN melawat peniaga sekitar Little India di Jalan Bendahara.

## Jentera parti disaran buat ujian kendiri COVID-19 - Rahmad

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** - Jentera parti yang terlibat dengan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka disaran melakukan ujian kendiri COVID-19, kata Exco Kesihatan Negeri, Datuk Rahmad Mariman.

Beliau berkata, kesemua bilik gerakan pilihan raya juga diminta mengambil inisiatif membeli sendiri kit ujian kendiri COVID-19 bagi mengelakkan penularan wabak itu sepanjang tempoh pilihan raya pada 8 hingga 20 Nov depan.

"Saya dah minta semua bilik gerakan pilihan raya ambil inisiatif beli kit ujian dan buat saringan kendiri COVID-19, ini untuk kita sentiasa memeriksa kesihatan sendiri.

"Pesan saya, jika ada yang



RAHMAD

demam janganlah datang, yang lain-lain tu kalau nak buat ujian calitan saya cadangkan untuk buat sendiri demi keselamatan diri dan orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pe-

nyampaian Sumbangan Perayaan Deepavali Tahun 2021 Negeri Melaka yang dirasmikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali di Dewan Seri Bendahara, 25 Okt lalu.

Mengulas lanjut, Rahmad berkata, perkara itu penting memandangkan akan ada parti-parti politik menjadikan majlis keraian tertentu sebagai medan untuk berkempen.

Justeru, beliau berharap semua yang terlibat dapat mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan kerajaan bagi mengelakkan Melaka menjadi pencetus gelombang COVID-19 yang seterusnya.

"Selepas Kerajaan Pusat umumkan SOP PRN Melaka dengan beberapa larangan, (ada) kemungkin-

nan parti-parti politik akan gunakan majlis-majlis tertentu untuk alasan berkempen.

"Saya harap sangat supaya petugas-petugas parti, tidak kisah

parti apa sekalipun patuhilah SOP kerana kita tak mau jadi sejarah titik hitam yang mana PRN Melaka mencetuskan gelombang baharu dan sebagainya," katanya.

### WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat sesekar laki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima batogan.

1 November 2021 - 7 November 2021 ( 25 Rabiu Awal 1443H - 2 Rabiu Akhir 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
01 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.17 pm	6.57 pm	8.08 pm
02 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.17 pm	6.57 pm	8.08 pm
03 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.17 pm	6.57 pm	8.08 pm
04 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.18 pm	6.57 pm	8.08 pm
05 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.18 pm	6.57 pm	8.08 pm
06 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.18 pm	6.57 pm	8.08 pm
07 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.18 pm	6.57 pm	8.08 pm

# Selamat Menyambut Hari Deepavali

4 November 2021



Setulus Ikhlas daripada



Mamee-Double Decker (M) Berhad

Lot 1, Air Keroh Industrial Estate, 75450 Melaka, Malaysia. Tel: +606-232 4466/232 4469 Fax: +606-232 9696

[www.mamee.com](http://www.mamee.com)

# RM21 juta bantu B40 jana pendapatan

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** – Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM21juta menerusi Program Pemerkaasan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) Fasa 2 yang memfokuskan kepada golongan berpendapatan rendah (B40).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ismail Abd Mutalib berkata, peruntukan tersebut menyasarkan seramai 2,000 peserta tahun ini dalam membantu mereka menjana pendapatan lebih tinggi.

"Selaras pandemik COVID-19 melanda negara, ini adalah program pertama untuk tahun 2021, kita harapkan peserta komited dan amanah melaksanakan tanggungjawab mereka."

"Tahun ini saja peruntukan dialurkan sebanyak RM21juta dan kita sasarkan setiap peserta (usahawan) dapat menjana pendapatan minimum sebanyak RM600 sebanyak tiga

kali dalam tempoh enam bulan pemantauan, bergantung kepada kesungguhan mereka.

"Peserta yang mengikuti program ini bukan saja diberi latihan kemahiran semata-mata tetapi diberikan kursus motivasi, keusahawanan dan pengurusan kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penutup Program Pemerkaasan Ekonomi Komuniti Bandar Fasa 2 Tahun 2021 di Hotel Muzaffar, 26 Okt lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bahagian Kesejahteraan Komuniti KPKT, Datuk Muhamad Musa dan Pengurus Persatuan Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Malaysia, Datuk Joyah Abd Rashid.

Katanya, setakat ini seramai 90 peserta terlibat dalam fasa 1 dan fasa 2 program PEKB yang memfokuskan kepada program masakan kuih tradisional dan program urutan lepas bersalin.



ISMAIL (tiga dari kiri) melakukan simbolik perasmian Majlis Penutup PEKB Fasa 2 Tahun 2021 di Hotel Muzaffar, Ayer Keroh.

## Melaka prospek cerah industri automotif

Din Ahmad

**AYER LIMAU** – Industri pemasangan kereta mewah di Eropah berpotensi dimajukan di Melaka berikut prospek cerah di negeri ini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, kementeriannya bersedia membawa industri berkenaan ke Melaka seperti kejayaan membawa masuk projek pemasangan kereta Porsche ke Gurun, Kedah, sebelum ini.

Katanya, usaha berkenaan mampu direalisasikan berikutan Melaka berpeluang cerah mencapai kemajuan dalam industri automotif sebagai pelengkap kemajuan industri pelancongan sedia ada.

Mohamed Azmin bagaimanapun menjelaskan perkara itu hanya mampu dicapai sekiranya kerajaan negeri ini stabil dan kukuh dalam pentadbiran politiknya.

"Ekonomi Melaka amat bergantung kepada

industri pelancongan tetapi kita boleh majukan industri automotif seperti kita bawa pelabur pemasangan kereta Porsche dari Jerman ke Gurun, Kedah.

"(Projek itu) direalisasikan dalam Misi Perdagangan dan Pelaburan (TIM) MITI ke Jerman dan beberapa negara Eropah baru-baru ini," katanya.

Beliau yang juga Pengarah Pilihan Raya Perikatan Nasional (PN) berkata demikian ketika berucap pada program perjumpaan dengan jentera pilihan raya PN di Dewan Tan Sri Abu Seman Yusof, 24 Okt lalu.

Mengulas lanjut, Mohamed Azmin berkata, syarikat atau jenama besar di dunia sehingga kini masih percaya untuk melabur di negara ini yang mana ia membuktikan kerajaan sedia ada masih lagi stabil.

"Kalau kita kerajaan yang gagal, syarikat pembuatan kereta Porsche tidak akan datang ke negara kita," katanya.



MOHAMED Azmin menyampaikan sumbangan kepada penduduk di Kampung Telok Berembang, Lubuk Cina yang terkesan dengan banjir, baru-baru ini.

## MyDaftar OKU, permudah urusan 'insan istimewa'

Farah Suhaidah Othman

**PENGKALAN BATU** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melancarkan Sistem Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) Secara Dalam Talian (MyDaftar OKU) bagi memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada golongan itu.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, sebelum ini, sistem pendaftaran bagi mendapatkan kad OKU dilakukan secara manual menerusi platform Sistem Maklumat OKU (SMOKU) yang hanya boleh diakses oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Katanya, bagi memantapkan dan menambah baik sistem perkhidmatan sedia ada dengan lebih berkesan, kementeriannya mewujudkan kemudahan pendaftaran secara dalam talian.

"Menerusi MyDaftar OKU yang bermula pada Oktober, kad OKU dibuat dalam bentuk digital dengan pemohon hanya perlu mengemukakan maklumat termasuk pengesahan perubatan menerusi laman web MyDaftar OKU."

"Kad OKU ini juga bukan sahaja disediakan dalam bentuk fizikal namun turut diberikan dalam bentuk kod QR," katanya selepas menyempurnakan Majlis MyDaftar OKU di pejabat Persatuan Kebangsaan Autism Malaysia (NASOM) di Bukit Peringgit 27 Okt lalu.

Mengulas lanjut, Rina berkata kelulusan bagi perdaftaran menerusi sistem berkenaan akan diperolehi dalam tempoh 24 jam berbanding pendaftaran sebelum ini yang mengambil masa antara 14 hingga 30 hari.

"Jumlah OKU yang berdaftar dengan JKM menerusi statistik SMOKU sehingga 30 September adalah seramai 582,944, jadi kita sasarkan dalam bulan November pertambahan 2,000 lagi sekiranya platform itu dapat disebarluaskan secara meluas."

"Fokus MyDaftar ini adalah kepada individu OKU yang belum mendaftar sahaja manakala OKU yang sudah mendaftar dengan JKM itu tidak perlu mendaftar kerana dalam masa jangka panjang secara berperingkat kita akan menukar atau 'integrate' pendaftar sedia ada ke dalam MyDaftar berkenaan," katanya.

Rina berkata, terdapat 32 manfaat dan keistimewaan ditawarkan pelbagai pihak sama ada sektor kerajaan mahupun swasta.

Jelasnya, antara manfaat itu adalah bantuan kewangan JKM mengikut syarat dan kelayakan semasa, pelepasan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta pengurangan tambang pengangkutan selain program bantuan pendidikan di sekolah dan institut pengajian tinggi (IPT).

"Saya berharap perkhidmatan sistem itu dapat memastikan tiada golongan OKU tercincir dan ketinggalan daripada perhatian kerajaan," katanya.

MELAKA HARIINI

NO.TEL : 06 - 251 9314,  
06 - 251 9315  
FAX : 06 - 251 9316

PEMANGKU PENGARANG  
MOHD FAZRUL  
ABDUL MAJID  
fazru@melakaharlini.my

PEGAWAI TEKNOLOGI  
MAKLUMAT  
ABDUL JALIL JAMAR  
abduljaliljamar@gmail.com

JURUFOTO KANAN  
AZREN JAMILUDIN  
azren86@gmail.com

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN  
liyann90@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN  
falzhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH  
OTHMAN  
farahothman@melakaharlini.my

FIQA JAMAL

norafliqahjamal93@gmail.com

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED  
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA  
ABU BAKAR  
mimieazura1981@  
melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI  
mk7.zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS  
MUHAMMAD HAMZI  
ROSMANI  
amz@melakaharlini.my  
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF  
IZAIDA RAIHANAH IDRIS  
izraihanaidris36@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH  
SYED HAKIDZR  
khalidah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA  
ASHALIA YUSOF  
ashaliayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN  
MOHAMAD FARIS HAikal  
farishakikal.zakaria@  
melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO

RABIAH OSMAN  
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA

ISMAIL IBRAHIM  
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI

AHMAD ZAILANI  
aufalizzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI

amirul@melakaharlini.my

# Pelancongan Melaka jana RM3.36j

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**AYER KEROH** - Lapan lokasi pelancongan utama Melaka berjaya merekodkan nilai kutipan tiket berjumlah lebih RM3.36 juta sejak sektor pelancongan dibuka pada 1 Okt lalu.

Exco Pelancongan Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, antara lokasi pelancongan paling popular ialah Zoo Melaka, Menara Taming Sari, Melaka River Cruise, AFamosa Water Theme Park dan AFamosa Safari Wonderland.

Selain itu, katanya tiga buah muzium iaitu Muzium Samudera, Muzium Kapal Selam dan Muzium Sejarah & Ethnografi turut mencatat kutipan tiket memberangsangkan setakat data 28 Okt lalu.

"Berdasarkan tinjauan tersebut, jumlah kedatangan pelancong dan jumlah kutipan tiket di lapan buah produk pelancongan yang paling popular tersebut bermula pada 1 Oktober 2021 hingga 28 Oktober

2021 direkodkan sejumlah 135,573 orang.

"Ia membabitkan dengan jumlah kutipan tiket sebanyak RM3,366,612.15," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, selain lokasi pelancongan, tinjauan di premis-premis penginapan pelancong juga mendapati kadar penginapan (OCC) telah meningkat.

"Peningkatan sebanyak 71 peratus telah direkodkan berbanding 10 peratus pada awal pembukaan Fasa 4.

"Daripada jumlah tersebut, dianggarkan seramai 158,365 orang telah melawat Melaka bermula pada 1 Oktober hingga 28 Oktober lalu," katanya.


Justeru, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang telah membenarkan pergerakan rentas negeri bermula 11 Okt lalu.

Beliau turut berharap, sasaran satu juta pelancong yang ditetapkan sebelum ini berjaya dicapai sebelum tahun ini berakhir.

## Lukisan mural, imej baharu Bandar Jasin

**JASIN** - Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) mengambil langkah proaktif apabila bekerjasama dengan pelukis tempatan untuk lukisan mural pada dinding bangunan perniagaan di pusat Bandar Jasin, di sini.

Yang Dipertua MPJ, Datin Sapiah Haron berkata, usaha itu dibuat bagi menampilkan dekorasi menarik dan memberi kelainan serta mencantikkan pemandangan bandar itu.



LUKISAN mural yang menjadi tarikan terbaharu di Bandar Jasin.

Beliau berkata, projek ini bertujuan menceriakan lagi pemandangan di Bandar Jasin khususnya selaras dengan status negeri Melaka Negeri Maju, sekali gus menjadi tarikan pelancong berkunjung ke daerah Jasin.

"Mural ini ternyata membawa pemandangan berbeza yang dapat disajikan kepada orang ramai termasuk pelancong, sekali gus menjadi latar paling istimewa untuk orang ramai merakam gambar kenangan."

"MPJ komited dalam usaha menjadikan Daerah Jasin lebih ceria, menarik, bersih & berdaya maju seiring dengan kemajuan Negeri Melaka."

"Justeru itu, lukisan mural di Bandar Jasin ini juga merupakan usaha murni dan inisiatif MPJ menceriakan serta menaikkan lagi 'seri' Daerah Jasin sekali gus mengamit lebih ramai kedatangan pelancong ke Daerah Jasin," katanya ketika lawatan kerjaturun padang ke lokasi mural di Bandar Jasin.

Sapiah berkata, selain mencantikkan persekitaran Bandar Jasin, imej yang ditampilkan pada lukisan itu unik kerana memaparkan kesimbangan alam semula jadi dan beberapa nilai positif lain seperti aspek kebersihan serta bandar bahagia selari dengan status #JasinBandarBahagia.

Beliau berkata, elemen itu penting kerana ia menggambarkan imej sebenar masyarakat negara ini dan dapat memberikan gambaran baik pada kaca mata pelancong.

RUMAH TERES 2 TINGKAT DI BANDAR MELAKA

dengan hanya **RM 4xxK**

HAK MILIK KEKAL



TAMAN BUKIT CHENG



**24 JAM SEKURITI**

**HAK MILIK KEKAL**

Waze Location:

Taman Bukit Cheng, Malacca

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**017-260 9003**

Panglima Juara Sdn. Bhd.  
17 A&B, Plaza Seri Kubu,  
Jalan Tan Chay Yan,  
75300 Melaka.  
[www.spb.my](http://www.spb.my)

No. lesen Pemaju: 19593-1/01-2022/01021(L) Tempoh Sah: 24/01/2021 - 23/01/2022 No. Permit Iklan: 19593-1/01-2022/01021(P) Tempoh Sah: 24/01/2021 - 23/01/2022 Pihak Berkewajibanku Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Melaka Bersejajar No. Kelulusan: MBMB/JKB/03009/02/2018(13) Tarikh Jangka Siap: October 2021 Bebanan Tariah: Tiada Pegangan Tanah : Kekal Rumah Teres 2 Tingkat [103 unit] Harga: (Min.) RM355,000 - (Maks.) RM524,000

SPB SINCE 1981

# Amaran individu, parti politik langgar SOP - Ketua Polis

**Fiqa Jamal**

**AYER KEROH** - Sebarang aktiviti membabitkan perhimpunan ramai sepanjang Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka akan dipantau, kata Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali.

Beliau berkata pemantauan itu dilakukan bagi memastikan tidak berlaku pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) dalam kalanjan orang ramai termasuk jentera parti yang bertanding.

"Semua pegawai dan anggota sudah dimaklumkan mengenai perkara itu dan tindakan

tegas akan diambil jika ada pihak, termasuk parti politik yang melanggar arahan berkenaan.

"Sebarang tindakan akan diambil mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)," katanya.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memaklumkan apa juga bentuk perhimpunan yang berkaitan dengan pilihan raya adalah dilarang berkuat kuasa 25 Okt hingga 27 November depan.

Ia termasuklah penganjuran majlis sosial dan pelancaran jentera pilihan raya yang dihuatir meningkatkan risiko penularan jangkitan

COVID-19.

Larangan itu berdasarkan peruntukan di bawah subperaturan 10 (1) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) 2021 (P.U.(A) 293/2021) yang dibuat di bawah subseksyen 11(2) Akta 342.

Jika dikesan berlaku pelanggaran SOP ditetapkan kerajaan, mana-mana individu, pengajur atau organisasi boleh dikenakan tindakan seperti kompaun atau tindakan pendakwaan di mahkamah.



**ABDUL Majid**

## Ajal dalam perjalanan ke sekolah

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**ALOR GAJAH** - Seorang guru yang sedang dalam perjalanan ke sekolah maut selepas kereta dipandunya terbabit kemalangan dengan sebuah lori dalam kejadian di Simpang Tiga Alor Gajah Lama, 25 Okt lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 6.30 pagi itu, Sakura@Muna Sakura Muhammad, 54, mengalami kecederaan parah di kepala dan meninggal dunia di tempat kejadian.

Ketua Jabatan Siasatan Pengawalkuasaan Trafik (JSPT) negeri, Superintendant Hasan Basri Yahya berkata, mangsa yang memandu kereta jenis Honda City dari arah Taman Nuri dipercayai melalui simpang tiga itu menuju ke arah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Durian Tunggal.

Ketika sedang keluar dari sim-

pang, datang sebuah lori dari arah Krubong menghalau ke Nyalias yang tidak sempat mengelak lalu merempuh bahagian sisi kanan kenderaan mangsa.

"Akibat rempuhan itu kereta mangsa terseret sejauh lebih enam meter dari lokasi pelanggaran.

"Mangsa kemudian disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan sebelum dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Alor Gajah bagi proses bedah siasat," katanya.

Menurutnya, kedua-dua kenderaan telah dibawa ke Balai Polis Trafik Alor Gajah untuk dihantar ke Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) bagi tindakan lanjut.

Katanya, siasatan lanjut berhubung kejadian masih diteruskan dan kes disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.



**KENDERAAN** mangsa yang remuk selepas dirempuh lori dalam kejadian di Simpang Tiga Alor Gajah Lama.

**PANTAI KUNDOR** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) mengesan sebuah bot disyaki menyamar sebagai nelayan tradisional yang cuba menyeludup dadah keluar negara di perairan Tanjung Kling, 24 Okt lalu.

Pengarah Maritim Melaka dan Negeri Sembilan Kepten Maritim Haris Fadzilah Abdullah berkata dalam kejadian malam tadi, bot berkenaan ditemukan dalam keadaan mencurigakan oleh pasukan operasi Maritim pada pukul 10.50 malam.

Beliau berkata apabila sedar dengan kehadiran Maritim, suspek mencampakkan satu objek ke atas beting berbatu sebelum memecut laju untuk melarikan diri semasa dikejar, dan bot itu hilang di kawasan yang ceteck dan gelap.

"Ketika berpatah balik ke lokasi objek yang dicampak, pasukan operasi telah menemukan satu beg hitam yang berisi ketulan mampat disyaki dadah jenis syabu," katanya.

Haris berkata barang kes kemudiannya dirampas dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan selanjutnya dan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM36,000.

Beliau berkata kes disiasat di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. - BERNAMA

## Menyamar jadi nelayan seludup dadah

"Suspek menempa kakan satu objek ke atas beting berbatu sebelum memecut laju untuk melarikan diri semasa dikejar, dan bot itu hilang di kawasan yang ceteck dan gelap."



**Maritim** menunjukkan beg berisi dadah yang dicampak ke atas beting berbatu di perairan Tanjung Kling.



# MIMBAR MAIM

"Be n ar b e na r s a n g a t b e r n u t u n g o r a n g - o r a n g y a n g m e m b e r i s h k a n d i i d e n g a n b e n i m a n d a n s e n t i a s a b e r z i k i r m e n y e b u t n a m a Tu h a n n y a s e r t a m e n g e r j a k a n s e m b a h y a n g ." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"De mi se sung g u h n y a ! K a m i a k a n m e n g u j i k a m u d e n g a n s e d i k t k e t a k u t a n , k e l a p a r a n , d a n k e k u r a n g a n d a r i h a r t a b e n d a s e r t a j i w a d a n h a s i l t a n a m a n . D a n b e n i a h k h a b a r g e m b i r a k e p a d a o r a n g y a n g s a b a r ." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

## Perkukuh sahsiah keluarga asraf

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**AYER KEROH** - Keharmonian keluarga bahagia bertunjangkan kepada disiplin dan penerapan kasih sayang yang berlandaskan syariat serta syiar Islam.

Syariat yang dipatuhi dan menjadi amalan dalam kehidupan menjadi pemangkin kepada kewujudan sebuah keluarga sejahtera khususnya kepada golongan asraf di negeri ini.

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) adalah agensi yang diamanahkan untuk menerap segala nilai-nilai Islam kepada keluarga asraf dalam usaha menyebarluaskan pendidikan mengenai pembangunan

“ Pendidikan anak-anak juga adalah menjadikannya utama dan tumpuan pihak MAIM memberikan ke mudahan tambahan dalam merealisasikan pembangunan keluarga yang bermula dalam akademik .”

keluarga.  
Dalam konsep itu, Seksyen Pembangunan Insan MAIM memainkan peranan besar membentuk sahsiah diri asraf lebih-lebih lagi anak-anak mereka yang masih mempunyai perjalanan hidup yang masih panjang.



KURSUS kekeluargaan anjuran MAIM menjadi pemangkin membina keluarga sakinah.

Penerapan berkaitan kemahiran urusan dalam keluarga antaranya meningkatkan aspek kerohanian yang mampu membentuk keluarga sakinah walaupun mereka merupakan asraf yang hidup dalam serba kekurangan.

Pelbagai program diatur oleh seksyen berkenaan demi untuk memberi sokongan golongan asraf meningkatkan tahap kehidupan mereka terutama dalam dunia yang serba mencabar ini.

Dalam era pandemik Covid-19 yang masih melanda negaraini kekuatan emosi dan

spiritual golongan asraf perlu dititik berat bagi mengelak sebarang tindakan yang sia-sia diambil oleh mereka antaranya perbuatan yang merosakkan nilai murni sesebuah keluarga.

Asraf juga perlu memainkan peranan penting dengan memupuk semangat kekeluargaan penuh nilai-nilai Islam serta pendidikan anak-anak yang kekal diambil peduli demi masa depan mereka di masa akan datang.

Program ini juga menjadi medium dakwah yang berkesan dalam menyampaikan

hasrat dan tujuan MAIM untuk melihat pembangunan rohani dan jasmani yang seimbang dalam kalangan perniagaan bantuan zakat.

Pendidikan anak-anak juga adalah menjadi keutamaan dan tumpuan pihak MAIM memberi kemudahan tambahan dalam merealisasikan pembangunan keluarga yang berjaya dalam akademik.

Jati diri dan disiplin perlu sentiasa ada dalam diri asraf demi kelangsungan hidup serantempunyi kesedaran menjaga amanah ke atas anugerah yang dikurnia Allah SWT.



PENERAPAN nilai-nilai murni dan pemantapan ilmu fardu ain diperkuuh bersama keluarga asraf.



### LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809  
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415  
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | [www.maim.gov.my](http://www.maim.gov.my)

Email | [admin@maim.gov.my](mailto:admin@maim.gov.my)

Youtube | [majlis agama islam melaka](#)

Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Zakat Diberkati, Asraf Disantuni



**MUFTI Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil** meluangkan masa mengadakan lawatan ke Kem Lapang Sasar Asahan (KLSA) di Markas Garison Kem Syed Sirajuddin baru-baru ini bagi meninjau tapak lokasi surau berikut permohonan kem berkenaan untuk mengadakan solat Jumaat. Hadir sama ke lokasi, Timbalan Mufti Negeri, Hazarudin Baharudin.



SERAHAN kit makanan sumbangan MBSB Bank Berhad dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) kepada beberapa buah masjid di sekitar daerah Melaka Tengah. Kerjasama ini merupakan kolaborasi antara Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bersama MAIWP dan PPZ membantu mereka yang terkesan berikut penularan pandemik COVID-19.



**SKUAD Agihan Zakat Melaka (SAZ) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)** menyampaikan sumbangan kit makanan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di sekitar DUN Duyong, Ayer Molek dan juga Bukit Katil. Turut disantuni mereka yang sedang dikuarantin akibat COVID-19 dan sumbangan ini mampu meringankan beban mangsa-mangsa berkenaan.

# Inspirasi usahawan yang berjaya



**Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil**

Ke tu a Pegawai Eksekutif,  
Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.

**ALLAH SWT** telah menurunkan banyak rezeki kepada manusia sama ada dalam bentuk kekayaan harta benda, alam semula jadi dan sebagainya. Manusia perlulah mensyukuri nikmat kurniaan-Nya dan menggunakan amanah yang diberikan dengan sebaik-baiknya khususnya pada jalan Allah SWT.

Justeru itu, mencari rezeki yang halal dan berkat amat dituntut oleh syariat Islam. Lebih-lebih lagi rezeki yang diperolehi daripada perniagaan. Individu yang menjalankan perniagaan sebenarnya mampu untuk memperolehi ganjaran pahala yang lebih iaitu memberi peluang pekerjaan kepada golongan yang tidak mempunyai pekerjaan khususnya golongan yang kehilangan pekerjaan, hilang punca pendapatan dan dibuang kerja disebabkan pandemik COVID-19 ini.

Zakat Perniagaan adalah salah satu komponen zakat yang wajib dikeluarkan oleh individu muslim yang bergelar usahawan tidak kira apa bentuk perniagaan yang diceburi asalkan perniagaan yang dijalankan mengikut syariat yang ditetapkan oleh agama Islam. Dalam Islam setiap keuntungan yang diperolehi bukanlah semata-mata untuk kepentingan diri namun lebih penting untuk diagharkan kepada golongan yang lebih berhak iaitu golongan asnaf dalam memenuhi keperluan hidup mereka.

Baru-baru ini, Zakat Melaka telah menubuhkan pembayar zakat sebagai usahawan yang berjaya iaitu YBhg. Dato' Faizal bin Ali, Pengarah Urusan Tasek Haza Engineering &

Services Sdn. Bhd. Pengalaman beliau dalam bidang Mekanikal & Elektrikal selama 15 tahun. Beliau juga merupakan pembayar zakat sejak tahun 1997 sehingga sekarang tahun 2021.

Pada awalnya beliau seorang pekerja dan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di Bangunan Yayasan Melaka. Beliau juga telah melunaskan pembayaran zakat berjumlah RM2.50 pada mulanya dan bulan-bulan berikutnya bertambah kepada RM5.00 sebulan.

Padatahun 2006, beliau mula bermula dengan membekal alat-alat elektrikal. Hasil daripada keuntungan perniagaan tersebut, beliau mengeluarkan Zakat Perniagaan bermula dari RM25.00 kepada RM50.00 dan seterusnya bertambah tahun demi tahun sehingga sekarang mencecah ratusan ribu ringgit demi memberi manfaat kepada asnaf zakat yang layak. Inilah buktinya, sebagaimana yang ditegaskan oleh Rasulullah SAW dengan sabdanya yang bermaksud; "Sedekah (Zakat) itu tidak mengurangi harta". (*HR: Muslim (2588)*)

Selain daripada itu, beliau menasihatkan kepada orang ramai agar melaksanakan Rukun Islam ke-3 dengan seikhlas hati semata-mata kerana Allah SWT. Tanggungjawab seseorang muslim yang berjaya adalah melihat saudaranya yang dalam kesusahan dapat dibantu sebaik mungkin demi mendapat ketenangan dan kebahagiaan yang kekal abadi. Pelunasan zakat yang dikeluarkan tidak akan mengurangkan harta benda, malah akan bertambah dan berkembang lagi harta yang diperolehi, sekaligus dapat memberi manfaat kepada lebih ramai asnaf yang memerlukan.

Oleh yang demikian, umat Islam perlulah bersyukur atas kurniaan Allah SWT berikan kepada hamba-Nya yang patuh dan taat segala perintah-Nya sekaligus mendapat keberkatan dan keredaan hidup di dunia mahupun di akhirat kelak. Melalui perniagaan yang diusahakan itu dapat membangunkan ekonomi

Islam dan seterusnya mengukuhkan institusi zakat melalui pelunasan Zakat Perniagaan. Oleh itu, hasil daripada kekayaan perniagaan tersebut dapat membantu 8 golongan asnaf yang layak menerima seperti mana dalam Surah at-Taubah ayat 60.

Secara kesimpulannya, kita sebagai umat Islam perlulah sedar akan kewajipan berzakat. Bukan sekadar Zakat Perniagaan sahaja, malah Zakat Harta yang lain juga wajib ditunaikan jika

mencukupi syarat-syarat wajib zakat. Semoga dengan pelunasan zakat ini, khususnya Zakat Perniagaan akan semakin maju dan berkembang seterusnya hak asnaf akan terusterbela. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.



## WAKTU OPERASI PERKHIDMATAN KAUNTER KUTIPAN ZAKAT MELAKA SEPANJANG FASA 3 PELAN PEMULIHAN NEGARA

**Ibu Pejabat & Cawangan Alor Gajah / Masjid Tanah / Merlimau / Jasin**

**ISNIN - JUMAAT**  
8.00 pagi hingga 5.00 petang

**WAKTU REHAT (JUMAAT)**  
12.15 t/hari. hingga 2.45 petang

\*Sabtu, Ahad & Cuti Umum: TUTUP



**ISNIN - AHAD**  
8.00 pagi hingga 5.00 petang

**WAKTU REHAT (JUMAAT)**  
12.15 t/hari. hingga 2.45 petang

\*Cuti Umum: TUTUP

**CAWANGAN UTC**

Bayaran Zakat boleh melalui QRCode seperti yang tertera



Sila Imbas

[www.izakat.com](http://www.izakat.com)

**\*Kaunter Kutipan Zakat Melaka Pulau Sebang & Kaunter Bergerak (Van)**

**DITUTUP SEMENTARA**

**Talian Zakat Melaka**

**1-300-88-0233**

Talian Zakat (WhatsApp)

011 – 5858 3885

f Zakat Melaka

zakat.melaka

www.izakat.com

Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)






**SEKSYEN Pembangunan Insan MAIM** meraikan pendaftaran anak-anak asnaf MAIM yang melanjutkan pengajian ke Universiti MAHSA bertempat di Jenjarom, Selangor dalam bidang Diploma Pengurusan Perniagaan. Adik Naijha Seman dan Nor Athira Aqilah Daud merupakan anak asnaf yang terpilih mengikuti pengajian di universiti berkenaan dengan tajaan penuh selama 3 tahun.



## APA ITU AURORA ?



Sumber : Spaceweather.com

Aurora adalah fenomena cahaya terang yang berlaku di kutub utara atau kutub selatan Bumi. Fenomena ini disebabkan interaksi antara medan magnet dimiliki Bumi dengan cas lepasan zarah-zarah dipancar dari sinaran Matahari





## Satu Amal mencipta Sejuta Manfaat

"Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya**"

-Hadith Riwayat Muslim

**Kemanakah Wakaf Anda?**

- Wakaf Pendidikan** 
- Wakaf Perubatan** 
- Wakaf Masjid, Surau & Madrasah** 
- Wakaf Pembangunan** 
- Wakaf Am** 

**Seksyen Wakaf MAIM**  
Majlis Agama Islam Melaka, Pusat Islam Melaka,  
Bukit Palah, 75400 Melaka

06-283 7416  
06-284 9809



## Jom Berwakaf

**5 Kaedah Berwakaf**

- 1 Di Kaunter**  
Aras bawah Bangunan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
- 2 Melalui Akaun BANK ISLAM**  
04015010017434  
Saham Wakaf Majlis Agama Islam Melaka
- 3 Potongan Gaji**  
Secara Bulanan Minima RM2.00
- 4 Aplikasi BOOST**  
Muat Turun di Google Play Store & Apple App Store
- 5 e-BAYAR**  
e-BAYAR  
Bayaran Wakaf Tunai Bayaran Fidyah ebayar.melaka.gov.my

Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal [iwakaf.maim.gov.my](http://iwakaf.maim.gov.my)

**Perundangan**

Mengikut Seksyen 77, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 menjelaskan : "Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pengisyitihanah yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi Pemegang Amanah Tunggal Wakaf Negeri Melaka"

**Fatwa Kebangsaan**

Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah **DIBOLEHKAN** di dalam Islam

(Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke - 77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu)

'Teksi air'

# Kurangkan kesesakan jalan darat

**Farah Suhaidah Othman**

**PENGKALAN RAMA** - Produk terbaru Melaka River Cruise yang berfungsi seakan 'teksi air' mampu menjadi pengangkutan alternatif untuk kelokasi pelancongan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM), Datuk Murad Husin berkata, ia sekali gus mengurangkan kesesakan lalu lintas di Bandar Melaka.

Selain itu, katanya, ia juga me-

mudahkan pelancong serta penduduk tempatan untuk ke mana-mana lokasi pelancongan dengan harga tiket RM40 bagi dewasa dan RM25 kanak-kanak yang boleh digunakan sepanjang hari.

"Pakej pit stop ini memberi kemudahan kepada pelancong, orang tempatan juga kita galakkan juga yang mana apabila mereka membeli paket Pit Stop ini, mereka boleh menggunakan perkhidmatan bot selama satu hari dari pagi hingga malam.

"Contohnya, mereka naik dan berhenti di Kampung Morten, mungkin mereka akan berjalan sekeliling kawasan kampung itu dan kemudian tunggu di jeti itu semula untuk pergi ke destinasi lain.

"Pit Stop MRC adalah salah satu kemudahan kepada pelancong yang boleh digunakan sebagai alternatif terbaik untuk mengelakkan kesesakan kerajaan Sungai Melaka ini memang berada dalam kawasan bandar serta berhampiran di pusat-pusat pelancongan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Pakej Pit Stop Melaka River Cruise dan Asahan Coffee Kiosk yang disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Kamel Mohamad di Jeti Taman Rempah, 23 Okt lalu.

Hadir sama Penasihat Undang-undang Negeri, Datuk Abd Aziz Enggan, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Saari Basiron dan kenamaan lain.

Mengulas lanjut, Murad berkata, sebanyak 28 hentian atau 'Pit Stop' akan diwujudkan untuk perkhidmatan itu yang mana ia akan dibuka secara berperingkat.

Katanya, produk pelancongan itu juga diyakini mampu memberikan kesan ekonomi kepada penduduk setempat.

"Maknanya, dengan adanya jeti yang disediakan ini, penduduk setempat akan mengambil kesempatan untuk mewujudkan ekonomi baharu di kawasan tersebut.

"Contohnya di Kampung Morten, bila ada jeti di kawasan itu pelancong akan sentiasa singgah di jeti berkenaan, secara tidak langsung menambahkan aktiviti ekonomi baharu seperti kedai makanan dan sebagainya kepada penduduk tempatan," katanya.



KAMEL (dua dari kanan) dan Murad (kanan) melihat hentian di Kampung Morten bagi 'teksi air' yang bakal menjadi produk pelancongan baru.

## KK Klebang Besar ditutup hingga Jun 2022

**KLEBANG** - Klinik Kesihatan Klebang Besar akan ditutup sementara bermula 28 Okt hingga 30 Jun tahun depan.

Jabatan Kesihatan Negeri Melaka memaklumkan penutupan itu adalah bagi tujuan kerja-kerja naik taraf.

"Adalah dimaklumkan bahawa Klinik Kesihatan Klebang Besar

akan menjalani proses naik taraf bermula 28 Oktober 2021 sehingga 30 Jun 2022.


"Oleh yang demikian, penduduk setempat boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Klinik Kesihatan Tengker, Klinik Kesihatan Seri Tanjung dan Klinik Desa Kampung Padang," kata kenyataan itu.



## Pelbagai Kelebihan dengan Pembiayaan Perumahan BSN MyHome/i

### Kempen BSN Mega Home

- Pembiayaan semula kediaman
- Pembiayaan perumahan untuk pelaburan
- Pembiayaan perumahan untuk rumah pertama
- Pembiayaan untuk rumah baharu yang lebih selesa



Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada terma dan syarat.



**Hadiyah Utama**  
**Proton X50**  
x 1 pemenang

**Hadiyah Suku Tahunan**  
**BSN SSP RM10,000**  
x 3 pemenang

**Hadiyah Bulanan**  
**BSN SSP RM1,000**  
x 3 pemenang

Tempoh Kempen: 1 Januari - 31 Disember 2021

Hubungi Pengurus Wilayah BSN:  
Jasin: En. Azian Minhat - 019 6567466  
Melaka Tengah: Pn. Rahimah Sulaiman - 016 6292632  
Alor Gajah: En. Mohd Shahril Mohd Shariff - 019 6303952





WWW.KIBGIM.COM



SCAN HERE

# SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK  
MENJAWAB SPM  
SUBJEK: BAHASA INGGERIS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &  
MENGINSPIRASI  
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: BAHASA INGGERIS

PAPER 2 (119/2) – WRITING

Time Allocation: 1 Hour 30 Minutes

Total Marks: 60 Marks

Extended Writing


3 questions

20 marks

Require length: 250 words.

In part 3, candidates have a choice and there are three different tasks to choose. The tasks types may include an article, a review, a report or a story and candidates have to choose ONE. They have to write for about 250 words.

There are three steps to follow:

**Planning and brainstorming ideas**

- ✓ Choose the easiest topic to write about
- ✓ Brainstorm your ideas for each point listed and choose the ones with more contents to write.

**Drafting – Crafting**

- ✓ Expand your ideas into paragraphs
- ✓ Make sure to include further explanation and examples


**Improving**

- Step 1: Give a fancy and catchy introduction to your writing
- Step 2: Address the tasks in the question
- Step 3: Elaborate by giving examples or details
- Step 4: Use some cohesive devices and connectors
- Step 5: End your essay nicely
- Step 6: Check your grammar


**Tips and Techniques**

1. Read the question.
2. Plan and organize the structure of the essay.
3. Each paragraph must have one main idea.
4. Plan the story.

- i. Exposition (Beginning)
- ii. Rising Action
- iii. Climax
- iv. Falling Action
- v. Resolution (Conclusion)



5. Use I THINK MAP and 5 W 1 H



Using Flow chart map

5 W 1 H technique

6. There should be 5 paragraphs

7. Use suitable expressions and vocabulary to capture the audience's attention.

Nouns	Verbs	Adjectives	Linking words
Belief	Think	Wider	So/Consequently
Evidence	Test	Different	But/However
Reason	Connect	Explicit	Because
Idea	Rate	Observed	Instead
Claim	Create	Defined	Also
Theory	Compare	Deliberate	Therefore
Deduction	Generalise	Thoughtful	Conversely
Analysis	Speculate	Speculative	According to
Conjecture	Justify	Weighted	
Hypothesis	Challenge	Recognised	
Supposition	Verify	Convincing	
Principle	Refute		

**Synonyms for the most used verbs**

begin	make	do	show	come
start	create	execute	display	approach
launch	originate	enact	exhibit	advance
initiate	invent	carry out	point to	near
commence	form	accomplish	indicate	arrive
open	beget	finish	present	reach
stop	destroy	cry	hurt	break
cease	ruin	shout	damage	fracture
halt	demolish	yell	harm	shatter
stay	raze	scream	injure	smash
pause	waste	yowl	wound	wreck
discontinue	kill	roar	distress	crash
run	jump	keep	fly	hide
dash	leap	hold	soar	conceal
jog	spring	retain	hover	cover
race	bounce	withhold	flit	mask
rush	bound	preserve	wing	cloak
sprint	skip	maintain	flee	camouflage

8. Use suitable connectors - to link the paragraphs

9. Check spelling and punctuation especially if the story has dialogues.

10. Use suitable similes, metaphors, onomatopoeia, adjectives or adverbs with the story.

**PRACTICE 1:**

Your teacher has asked you to write a story for the school magazine. The story must have the title:

**A Dangerous Encounter**

Your story should include:

- A description of the encounter
- How you dealt with the situation

Write your story.

**PRACTICE 2:**

Your teacher has asked you to write a story for the school magazine. The story must have the title:

**An Unforgettable Trip**

Your story should include:

- A description of the trip
- What made the trip unforgettable

Write your story.



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

# Alamat Langkapuri in Sarandib: The World's first Malay-language Newspaper Exiled in Ceylon

IT is from the Sarandib, the Arab word for what we now know as Sri Lanka, that 'serendipity' got its meaning. This was coined in 1754 by English writer, Horace Walpole (1717-1797). He thought it up 'serendipity' after reading a Persian tale, "Three Princes of Serendip," about good fortune obtained entirely by accident. The island of Sarandib was long known to Muslims in the nearby Malay Archipelago.

It is in Sarandib/Ceylon/Sri Lanka that *Alamat Langkapuri*, the first Malay-language newspaper in the world was born. It was 13 June 1869. The Colombo-based Jawi-script (called *gundul* by the Malays there) newspaper was described as revolutionary. The newspaper is integral to discussions on Malay writing in Sri Lanka.

*Alamat Langkapuri* grew from the expressions of author, publisher, editor, and religious leader, Baba Ounus (Yunus) Saldin (1832 - 1906). Known as a progressive reformer, a custodian of Malay literary culture in

Sri Lanka, he takes pride in Malay identity combined with strong Islamic elements. Baba Ounus was the grandson of Kapitan Pantash, born in Sumenep, Madura in 1800. Kapitan Pantash was brought into Sri Lanka as a recruit in the British colonial army. Baba Ounus, his grandson, was described as a fascinating pioneer in the shifting "frontiers of a Malay-Muslim presence on the stage of contemporary world events."

Ceylon was historically and geography at the crossroads, between the Malay Archipelago (and the Malay Peninsula), and the Arab-Persian world. In her book *Banishment and Belonging. Exile and Diaspora in Sarandib, Lanka and Ceylon*, Rocit Ricci (2019) argues that the Prophet Adam's imaginary presence in Sarandib/Ceylon potentially transformed the unfortunate accident of exile into the good fortune of returning "home" to Sarandib, at least in the imaginations of the descendants of those who had been banished there. She renders that no

**"Alamat Langkapuri, summarily expresses a variety of texts produced by the Malays in Ceylon – in the form of literary manuscripts, family diaries, genealogies and notes, and letters. It symbolizes cultural fortunes in the collective memory – the sarandib of exile."**

less formative for the Sri Lankan "Malay exilic imagination" was the Ramayana story. A key text popular in eighteenth-century Java as well as in diasporic Indian communities around the world, the Ramayana story is found in two incomplete Sri Lankan manuscripts of the *Hikayat Seri Rama* dating from the late nineteenth century.

What makes the Sri Lankan Malay-language versions of the Ramayana story a fascinating expression of "the intertwining of Ceylon's exilic traditions and their place in the literary and religious imagination" is the fact that the exilic Adam and Sarandib Mountain are central to its telling of the story. It triggers the Malay imagination, in connecting to the name *Alamat Langkapuri*. A long pantun published in the July 11, 1869 issue of the paper; a wasilan, called the garisan Laksmana, for protection against approaching enemy soldiers on the battlefield, alluding to the magical line Laksmana draws around Sita to protect her when he rushes off to find Rama who has been tricked into chasing a demon ally of Rawana.

Ricci sees a connection between Adam and Sita, both of whose names refer to the "earth," as "paradigmatic exiles." In the *Hikayat Seri Rama*, Sita, even after her return from captivity in Rawana's Langkapuri, continued as a form of exile, which Ricci suggests as a condition of "no possibility of a true, complete, unblemished return."

*Alamat Langkapuri*, summarily expresses a variety of texts produced by the Malays in Ceylon – in the form of literary manuscripts, family diaries, genealogies and notes, and letters. It symbolizes cultural fortunes in the collective memory – the sarandib of exile. It presents the life of Sri Lankan Malay members of the British colonial Ceylon Rifle Regiment (or Malay Regiment, formed in 1795 and disbanded in 1873) and their descendants into full view.

*Alamat Langkapuri* was a depository of ideas and attitudes, of travel and mobility, of cultural contact and distance. It opens a *jendela* (window) to debates within the

Malay community. The exiles were both shaped and guided by the *Alamat Langkapuri*. They in turn resonate through reflections and debates, contested between its pages. *Alamat Langkapuri* enabled the Sri Lankan Malays to develop relationships with their kins in the Malay Archipelago. The period saw the dawn of a new flow and exchange of information through the newspaper which became endemic in various parts of Asia beginning about the second half of the 19th century.

In her definitive book Ricci discusses the significance of *Alamat Langkapuri*, where alamat means 'sign,' 'signal,' 'indication of things to come' and, most pertinently, 'new.' The fortnightly in Malay has made it accessible, at least theoretically, to a broad readership beyond Ceylon's borders in British Malay and Dutch East Indies.

*Alamat Langkapuri* functioned to disseminate international as well as local news, promoting the pantun and other verse forms, experimenting with advertising techniques, and inviting its readership to connect with each other and the broader communities by way of letters. Another significant feature is an early version of editorial opinions, the first in a Malay-language newspaper. Ricci notably argues that despite the keen interest in the Malay community's religious affairs expressed throughout its pages, we well as the consistent reporting on matters having to do with British rule of the island, "neither the name Sarandib – echoing with Islamic tradition and identity – nor the name Ceylon with its contemporary relevance was selected for the newspaper's title. Rather, it was *Langkapuri*. That choice, and the excerpt of a letter published in the newspaper, testify to the ongoing relevance of Ramayana imagery among the Malays.

The choice in the name *Langkapuri* could have to do with an awareness in the Dutch East Indies then, and of the existence of Sri Lanka and the threat of exile to there. She cites, what she terms as "the old Malay word *disailakan*, and its Javanese form *diselongake* [to be


sent to Ceylon] as a verb used for 'banishment.' In Lombok, there is Gunung Selong (Mt. Selong), which is a corruption of the word 'Ceylon.' Hence the *Wajah Selong* [Views of Ceylon], which appeared later on 8 June 1895. Its readership was also beyond Ceylon. It was read in the Malay Archipelago as well.

This consciousness of Sarandib/Ceylon/Sri Lanka is also reflected in the name Gunung Sarandil, near Cilacap on central Java's southern coast. It bears the Javanese form of the name Sarandib. Nearby is Gunung Selok, which according to Ricci, may well be a misrepresentation of Selong. This is also a site of Javanese ascetic practice associated with foundational figures of the Mataram lineage, many of whose members were exiled to Sri Lanka. These are narratives, evoking a geography from India's Coromandel Coast, to a string of islands linking Sri Lanka, stretching to the islands of Sumatra, Java and further east.

And these come in many forms – the dance, stonreliefs and inscriptions, and the wayang kulit, opening a window to the memory of exile and belonging. It arguably allows for an expansion of our definitions of the 'Malay World', and the inter-connectedness over time or Asian Muslim societies. From the middle of the seventeenth century, literary culture flourished, with striking similarities to the ones produced in the Malay 'heartlands.' The *babad* (chronicles), *hikayat* (prose stories), *pantun* (four-line poems) and *syair* (traditional verse) resonate homeland of in *Alamat Langkapuri*.

NEXT WEEK:  
**Dr. Mohd Said**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



ALAMAT Langkapuri grew from the expressions of author, publisher, editor, and religious leader, Baba Ounus (Yunus) Saldin.

# Kajian Melaka Bebas Banjir 2035 dimulakan

Fiqa Jamal

**AYER KEROH** - Kerajaan negeri akan melantik konsultan bagi menjalankan kajian Melaka Bebas Banjir 2035 bermula awal tahun depan.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Abdul Hakim Hamzah berkata, kajian itu merupakan antara langkah penting dalam mengatasi masalah banjir berulang yang berlaku di negeri ini.

Katanya, kajian terbabit akan dijadikan 'master plan' untuk dijadikan rujukan kepada jabatan-jabatan kerajaan

berkaitan termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR), JPS, Pejabat Daerah dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

"Kajian Melaka Bebas Banjir 2035 ini merupakan pelan rujukan kepada badan-badan kerajaan yang berkaitan bagi mengatasi masalah banjir di Melaka."

"Kajian ini dianggarkan bernilai hampir RM2 juta," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Selain kajian tersebut, Abdul Hakim berkata, kerajaan persekutuan juga telah memperuntukkan hampir RM1 bilion untuk melaksanakan projek

fizikal pelan jangka masa panjang bagi mengatasi masalah banjir di negeri ini.

Katanya, antara projek yang bakal dimulakan ialah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di lapan lokasi.

Jelasnya, antara lokasi terlibat ialah di Sungai Melaka, Alor Gajah, Bandar Jasin, Sungai Duyong, Bandar Merlimau, Krubong dan Lembangan Sungai Baru.

"Buat masa ini, hanya projek di Duyong sahaja telah telah dimulakan pelaksanaannya pada 22 Oktober lalu dan memakan masa tiga tahun untuk disiapkan," katanya.



ANTARA ular sawa yang ditangkap anggota APM Alor Gajah.

## Tangkap lapan ekor ular seminggu

**ALOR GAJAH** – Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Alor Gajah menangkap tujuh hingga lapan ekor ular secara purata dalam tempoh seminggu disebabkan perubahan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

Pegawai Operasi, Bencana dan Logistik Pejabat Pertahanan Awam Daerah (PPAD), Leftenan (PA) Abdul Hadi Baharom berkata, cuaca yang tidak menentu serta beberapa tempat dilanda banjir kilat baru-baru ini dikhawatir mengundang kehadiran reptilia berbisa itu untuk mencari makanan.

Misalnya, menurut beliau, baru-baru ini, pihaknya menangkap tiga ekor ular sawa dengan insiden serangan pertama berlaku di kandang kambing dekat Kampung Sungai Petai manakala dua ekor lagi di tangkap di Kampung Belimbang dan Rumah Awam Pulau Sebang.

"Dalam kejadian di Kampung Sungai Petai, kita menerima aduan daripada penduduk yang juga pemilik kandang kambing tersebut pada pukul 10.17 malam semalam dan segera mengerahkan empat anggota ke lokasi.

"Bila tiba di lokasi kejadian, kita dapat ular sawa seberat 100 kilogram dan panjang 12 meter berada dalam kandang dan cuba membelit seekor kambing namun tindakan pantas anggota berjaya menangkap ular sawa tersebut," katanya.

Menurut Abdul Hadi, anggota mengambil masa kira-kira 20 minit sebelum berjaya menangkap ular sawa tersebut yang bertindak menaiki dinding dan siling kandang bagi mengelak ditangkap anggota terlibat.

"Kita syaki ular sawa tersebut datang dari hutan yang terletak pada bahagian belakang kandang tersebut," katanya.

Katanya, tangkapan ular sawa kedua dan ketiga dibuat pada pagi kesokan harinya di Kampung Belimbang dan Rumah Awam Pulau Sebang.

Justeru, beliau menasihatkan orang ramai agar berwaspada dengan kehadiran reptilia berbisa itu yang dilihat gemar bersembunyi di kawasan semak samun untuk mencari makanan selain mencari kawasan tinggi sebagai tempat tinggal.

"Kita syaki ular sawa tersebut datang dari hutan yang terletak pada bahagian belakang kandang tersebut," katanya dalam sidang media selepas Majlis Kasih Cahaya Deepavali di Kuil Sri Suntharamoorthy Vinayagar, 27 Okt lalu.

Mohd Norlisam berkata, bagi memastikan kelancaran operasi pembersihan sisa pasca banjir itu, waktu bekerja membabitkan kakitangannya telah dianjukkan sehingga jam 11 malam.

Dalam pada itu, Mohd Norlisam berkata, mana-mana



KERAJAAN negeri memandang serius masalah banjir berulang yang melanda beberapa kawasan di negeri ini.

## 450 tan sampah sisa banjir dikutip

**BATU BERENDAM** – Syarikat konsesi sisa pepejal dan pembersihan awam, SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) telah member-

sahkan kira-kira 450 tan sampah sisa banjir dalam tempoh enam hari sejak 22 Okt lalu.

Pengurus Besar Korporatnya, Mohd Norlisam Mohd

Nordin, berkata kerja pembersihan itu dilakukan oleh 53 kakitangan dengan bantuan aset syarikat berupa lima jenitok, lapan lori pemungut

sampah terbuka (open tipper) dan 16 unit lori RORO.

Katanya, kerja pembersihan itu melibatkan 12 kawasan di daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah dengan kawasan yang paling terjejas teruk ialah di Taman Murai Jaya, Batu Belendam.

"Antara lokasi lain terlibat dalam pengoperasian pasca banjir adalah Taman Melawis, Taman Bukit Beruang, Taman Bukit Beruang Utama, Taman Ayer Molek, Rumah Awam Pantai Peringgit, Kampung Bukit Tambun, Kampung Machap Umboo, Kampung Berembang Jaya dan Kampung Lubuk Cina.

"Kebanyakan sisa yang dikutip ialah membabitkan sisa pukal seperti sofa, perabut, mesin basuh, perkakas elektrik yang sudah rosak, tilam, dan pelbagai lagi.

"Kesemua sisa yang dianggarkan mencecah 450 tan itu diangkut menggunakan kenderaan RORO untuk dilu-

pus di tapak pelupusan," katanya dalam sidang media selepas Majlis Kasih Cahaya Deepavali di Kuil Sri Suntharamoorthy Vinayagar, 27 Okt lalu.

Mohd Norlisam berkata, bagi memastikan kelancaran operasi pembersihan sisa pasca banjir itu, waktu bekerja membabitkan kakitangannya telah dianjukkan sehingga jam 11 malam.

Dalam pada itu, Mohd Norlisam berkata, mana-mana

pemilik premis yang kehilangan tong sampah beroda (TSB) seperti dihanyutkan banjir atau rosak akibat bencana itu perlulah melaporkannya kepada pihak polis.

Katanya, pemilik boleh mendapatkan TSB baharu dengan mengemukakan borang penggantian yang dikepulkan bersama salinan laporan polis yang telah dibuat.

Jelasnya, permohonan TSB itu juga boleh dibuat secara dalam talian.



KAKITANGAN SWM ketika membuat kerja-kerja pembersihan sisa pukal di kawasan terjejas banjir untuk dibawa ke pusat pelupusan sampah.



DR. SHANKAR GUNARASA



**SIMPTOM** muntah berdarah jika berlaku boleh memudarkan seseorang pesakit itu. Ianya adalah satu kecemasan medikal dan boleh membawa maut sekarang tidak di rawat dengan cepat.

Muntah berdarah ini di ambil dari istilah perubatan hematemesis. Ianya berpunca dari pendarahan di saluran oesophagus, perut dan usus kecil. Dari segi perubatan juga muntah berdarah ini terdiri dari dua jenis iaitu "variceal" dan "none variceal bleed".

Muntah "variceal" ini adalah berwarna merah cerah dan pesakit boleh berdarah dengan teruk dan mengancam nyawa pesakit. Lazimnya darah ini berpunca dari saluran darah yang berbengkak di saluran oesophagus yang di sebabkan oleh "portal hypertension" atau kerosakan di hati seperti hati cirrhosis.

Muntah "none variceal" ini adalah berwarna merah gelap atau hitam dan di sebabkan oleh pendarahan yang lama dan perlahan. Ianya berpunca dari ulcer di perut dan juga di usus kecil. Pendarahan seperti ini tidaklah memudarkan berbanding dengan muntah "variceal", namun tetap terpaksa jugadi rawat secara awal.


**Apakah punca muntah berdarah ini?** Terdapat banyak punca yang menyebabkan muntah darah berlaku. Punca muntah darah yang tidak berbahaya

- Pendarahan di hidung.
- Muntah yang kerap hingga menyebabkan luka pada bahagian oesofagus yang di panggil dari segi perubatan "Mallory Weis tear".
- Irritasi pada oesophagus disebabkan masalah gastrik atau refluks acid di sebabkan oleh kelonggaran di penghujung oesophagus.
- Pendarahan daripada mulut disebabkan trauma ataupun gigi berdarah.

Punca muntah darah yang selalu berlaku adalah:

- Ulcer di perut disebabkan masalah gastrik.

## Muntah Berdarah : Apakah Penyebabnya?



- Kesan sampingan ubat tahan sakit (Jenis NSAIDs).
- Masalah gastrik yang kronik.
- Trauma di perut di sebabkan kemalangan.

Namun ada juga punca yang lebih serius yang menyebabkan pendarahan ini seperti

- Kegagalan hati seperti cirrhosis hati.
- Kanser oesophagus.
- Kanser pankreas.
- Kanser perut.

Sukar untuk mengetahui apakah tandanya awal untuk pesakit muntah darah ini tetapi antara simptom awalnya ialah rasa loya dan berasa sakit dan tidak keselesaan di perut. Tetapi sekiranya pesakit itu muntah darah yang amat banyak, tandatanda berikut akan di alami oleh pesakit iaitu

- Mata menjadi kabur.
- Pening kepala kerana tekanan darah yang kurang.
- Berdebar-debar.
- Sesak nafas.
- Kulit menjadi sejuk, iaitu salah satu simptom "shock".

- Muka pucat kerana kekurangan darah.
- Pengsan boleh berlaku bila tekanan darah terlalu rendah.

Rawatan awal untuk pesakit pesakit ini bergantung kepada status keseluruhan pesakit semasa rawatan. Sekiranya ada simptom "shock" disebabkan kekurangan darah maka kantung darah terpaksa di berikan kepada pesakit untuk menstabilkan tekanan darah. Setelah itu punca pendarahan akan di pastikan, selain daripada ujian darah di lakukan.

Selalunya diagnosis untuk muntah darah ini di pastikan dengan prosedur endoskopi

dan pengalaman doktor tersebut. Sekiranya punca pendarahan di oesophagus seperti "variceal bleed", banding oesophagus atau gluehistoacryl akan di lakukan kepada saluran darah tersebut. Di Pantai Hospital Ayer Keroh saya sentiasa menjalankan semua prosedur tersebut dan seringkali menggunakanannya sekarang ada pendarahan yang teruk.

Setelah pendarahan berhenti, barulah rawatan yang lebih spesifik kepada punca muntah darah tersebut dilakukan. Antara yang akan di lakukan sebagai contohnya

- Masalah gastrik disebabkan jangkitan bakteria H pylori: Rawat antibiotik H.pylori akan di jalankan untuk 2 minggu.

- Masalah gastrik disebabkan ubat tahan sakit: Berhentikan ubat tahan sakit tersebut ataupun ganti ia dengan ubat tahan sakit yang tidak menyebabkan masalah gastrik. Pesakit juga perlu mengambil ubat untuk mengurangkan keasidan perut.

- Kanser oesophagus, perut ataupun pankreas: Pembedahan perlu dibuat untuk membuang kanser tersebut untuk mengelakkan pendarahan berlaku lagi.

- Esophageal varices: Rawatan dan ujian darah untuk hati di lakukan secara lazimnya. Pesakit juga akan di beri ubatan propanolol untuk mengurangkan tekanan di hati yang sekaligus mengurangkan bengkak di saluran darah di oesophagus.




iaitu oesophago-gastro duodenoscopy (OGDS).

Dalam prosedur ini, tube fiberoptik berhujungkan kamera di masukkan ke dalam mulut untuk melihat keadaan dinding oesophagus dan perut. Jika pendarahan sedang berlaku, terdapat beberapa prosedur yang akan dilakukan oleh doktor untuk memberhentikan pendarahan tersebut, antaranya "thermal diathermy" untuk membakar tempat pendarahan, "clip" di gunakan untuk mematikan saluran darah yang berdarah atau suntikan adrenaline di lapisan mukosa perut. Prosedur yang di pilih bergantung kepada keparahan

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bagaimana untuk mengelakkan dari padamuntah berdarah, anda boleh berhubung dengan Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolo-rectal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131 atau nombor whatsapp klinik +6014 3639705.

## Ulser perut



# Kedai kopi 'hipster' ceruk kampung

Faiz Hasan

**DURIAN TUNGGAL** - Siapa sangka di sebalik sebuah rumah di Kampung Belimbing Dalam, di sini, wujudnya warung yang menjual kopi premium setaraf kafe 'hipster' di luar sana.

Warung berkonsepkan nostalgia itu diberi nama Zenia Coffee, diusahakan seorang anak muda berusia 36 tahun.

Menurut pengurus dan pemiliknya, Zainal Abidin Omar, warung yang diusahakannya di halaman rumah bersama keluarga itu pada awalnya hanya menjual makanan citarasa tempatan seperti sate dan roti john.

Namun, berbekal pengalaman dan minat terhadap pembuatan kopi, dia mula memperkenalkan konsep gabungan warung dan kafe untuk menarik pelanggan.

"Pada asalnya ia merupakan minat saya sendiri untuk menghasilkan minuman kopi seperti ini dan dengan galakan keluarga, disamping ilmu yang diperoleh daripada sepupu saya telah memulakan cabang baharu ini pada awal 2020," katanya kepada Melaka Hari ini.

Menurut Zainal Abidin, antara cabaran yang dihadapi sejak awal pembabitannya dalam dunia kopi ialah terpaksa berhabisribuan Ringgit semata-mata membeli mesin kopi berteknologi tinggi.

Katanya, teknologi mesin, selain biji kopi yang dipilih memainkan peranan cukup penting kerana ia mampu memberi tekstur rasa yang berbeza dalam minuman yang dihasilkan.

"Kualiti itu yang sentiasa menjadi keutamaan kerana setiap jenis mesin mempunyai pelbagai fungsi tersendiri.

"Selain itu pemilihan kopi juga perlu dititikberatkan yang mana kebanyakan kopi akan saya bawa masuk dari pelbagai negara seperti Brazil, Ethiopia, Venezuela, Indonesia.

"Kopi itu kemudiannya akan dipanggang dan dicampur dengan kadar peratusan tersendiri mengikut ramuan yang telah saya pelajari selama ini," katanya.

Dengan secawan kopi berharga serendah RM6, ujarnya, para pelanggan boleh menikmati minuman kopi yang dipanggang dan dibru segar dengan tambahan hiasan 'seni latte' di

atasnya, persis layanan buat golongan ka-yangan.

"Bagi saya asalnya warung ini untuk masyarakat kampung kerana mereka juga ada niat nak rasa kopi mahal seperti di restoran dan kafe mewah."

"Cuma mereka tidak ada kesempatan untuk mengunjunginya mungkin kerana malu dan tidak faham untuk memesan nama jenis-jenis minuman kopi, disamping harganya yang mahal."

"Namun, saya bersyukur kerana bukan sahaja penduduk kampung, bahkan warung ini ada peminatnya tersendiri sehingga adajuga pelanggan yang datang dari jauh seperti Johor dan Kelantan semata-mata menikmati kopi premium dengan harga ekonomi ini," katanya.

Dalam pada itu, Zainal Abidin turut menyuarakan harapan agar perniagaan yang diu-

sahakan itu dapat memberi inspirasi kepada lebih ramai usaha-hawan di luar sana.

Katanya, meskipun terpaksa menempuh pelbagai rintangan dan cabaran, perkara paling penting adalah jan-jan cepat berputus asa.

Bagi orang ramai yang ingin merasai pengalaman menghirup kopi 'hipster' dengan harga ekonomi, bolehlah berkunjung ke Zenia Coffee yang dibuka bermula 5.30 petang hingga 9.30 malam.

Antara minuman kopi premium yang dijual di sini termasuklah Espresso, Black Coffee, Cappuccino, Caffe Latte, Mocha, Hazelnut Latte, Flat White dan pelbagai lagi.

Selain itu, turut dijual pek kopi yang siap dipanggang dengan harga serendah RM30, ber-gantung kepada jenis kopi.



ZAINAL Abidin, pemilik Zenia Coffee di Kampung Belimbing Dalam.

**IKLANEKA**



**Serendah  
RM50  
Sahaja!!**

PILIHAN RUANG  
**PENGIKLANAN  
YANG BIJAK!**

Hubungi :

06 251 9315 / 018 329 9936



[www.melakahariini.my](http://www.melakahariini.my)



[Twitter](#) [Facebook](#) [Instagram](#) Melaka Hari Ini

**AUTOMOTIF**

Kereta  
Motosikal  
Trak  
Bas  
Lori



**HARTANAH**

Perumahan  
Rumah Kedai  
Lot Tanah



**KERJAYA**

Sepenuh masa  
Separuh masa  
Latihan  
Skim Graduan



**KLASIFIKASI AM**

Perkhidmatan  
Kecantikan  
Kesihatan  
Perabot



**NOTIS**

Lelongan  
Guaman  
Kewangan  
Tender  
Notis Am



# Trend poligami di Melaka meningkat

**Farah Suhaidah Othman**

**AYER KEROH** - Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) merekodkan peningkatan dalam perkahwinan poligami di negeri ini dalam tempoh 2018 hingga tahun lalu.

Pengaruhnya, Datuk Che Sukri Che Mat berkata, statistik itu diperolehi menerusi data Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia (SPPIM) yang merekodkan sebanyak 1,432 pendaftaran

dibuat di negeri ini dalam tempoh tiga tahun itu.

Katanya, berdasarkan pecahan statistik, sebanyak 490 pendaftaran direkodkan pada tahun 2018 manakala 455 pendaftaran pada tahun 2019 dan 487 pada tahun lalu.

"Data ini menunjukkan bahawa terdapat trend peningkatan permohonan poligami yang berlaku pada tiga tahun berkenaan," katanya.

Menurut Che Sukri, Is-

lam membenarkan poligami bagi menjaga maslahat umat Islam sama ada menjaga kebijakan lelaki iaitu suami atau isteri yang bakal dikahwininya.

Jelasnya, hakikatnya seorang lelaki Islam hanya boleh berpoligami iaitu beristeri lebih daripada satu sekiranya berkemampuan dan berlaku adil kepada isteri atau isteri-isterinya serta tanggungannya.

"Berdasarkan Seksyen 23

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) Tahun 2002 menetapkan bahawa seorang lelaki yang mahu berpoligami hendaklah memohon kebenaran bertulis terlebih dahulu dari pada Mahkamah Tinggi Syariah.

"Kebenaran yang perlu dipohon kepada Mahkamah bukanlah bertujuan untuk menyusahkan lelaki atau suami yang hendak berpoligami.

"Tetapi ia bertujuan untuk menjaga institusi kekeluargaan itu sendiri iaitu hak-hak isteri dan hak perempuan yang akan dinikahi serta se-mua tanggungannya."

"Bagaimanapun, jika lelaki berpoligami tanpa kebenaran mahkamah dikhawatir akan mendatangkan masalah termasuk dikenakan denda atau memberi kesan kepada perkahwinan termasuk hak anak-anak dan isteri terabai," katanya.



CHE SUKRI

## UTeM masyhurkan Bahasa Melayu merentas benua

**AYER KEROH** - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengajurkan Karnival Bulan Bahasa Kebangsaan (KBBK) 2021 bagi memartabatkan keunggulan bahasa Melayu merentas benua menerusi Karnival Bulan Bahasa Kebangsaan (KBBK) 2021.

KBKK 2021 yang diadakan pada 8 hingga 28 Oktober secara atas talian itu merupakan anjuran Pusat Pembelajaran Bahasa (PPB) dengan kerjasama Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor (PPPC), UTeM.

Pengarah Program KBBK 2021, Noorsaiyidah Suradi berkata, program ini menjadi platform bagi memperkuatkannya penguasaan dan kecintaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar dan staf UTeM di samping memperbaikkan bahasa itu di persada dunia.

Beliau yang juga Guru Bahasa Kanan, PPB UTeM, berkata program KBBK pada kali ini diisi dengan 11 program menarik berkaitan menyelaraskan kemasyhuran dan keunggulan bahasa melayu merentas sempadan dunia.

"Antara program itu adalah slot bual bicara 'Bahasa Melayu Meren-



JUARA sulung bagi Pertandingan Berbalas Pantun Terbuka Piala Pusingan Dekan-Dekan UTeM ini telah berjaya dirangkul oleh kumpulan Awang Daik.

tasi Benua, Dirgahayu Bahasaku' yang dijayakan tetamu jemputan dari Rusia, Amerika Syarikat dan Jepun.

"Turut diisi dengan program pertandingan mendeklamasi sajak yang melibatkan para peserta yang

terdiri daripada pelajar antarabangsa UTeM," ujarnya.

Mengulas lanjut Noorsaiyidah berkata, KBBK 2021 buat julung kali ini menganjurkan Pertandingan Berbalas Pantun Terbuka Piala Pus-

tingan Dekan-dekan UTeM.

Dalam pertandingan berkenaan, kumpulan Awang Daik yang merupakan staf dari Pusat Tanggungjawab Canselor, UTeM berjaya merangkul juara.

Sementara itu, Pengarah PPPC, Fazidah Ithnin berkata, penganjuran kali ini secara umumnya mencapai objektif yang diharapkan dan semarak kemasyhuran bahasa Melayu meresap bukan hanya dalam kalangan warga UTeM dan negara ini malah merentasi global.

Katanya, program itu turut berjaya mengimbau kembali betapa masyhurnya bahasa Melayu yang menjadi alat komunikasi dan pertuturan ramai suatu ketika dahulu sejak zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

"Program dan pengisian KBBK 2021 turut berjaya mencungkil bakat dan kreativiti dari kalangan para peserta yang terdiri daripada kalangan staf dan juga pelajar," katanya.

Dalam pada itu, Dekan PPB, UTeM, Dr Mohd Fauzi Kamarudin dalam ucapan penutup KBBK 2021 peringkat UTeM berkata, menjadi tanggungjawab dan pentingnya kita bersama memartabatkan bahasa kebangsaan.

Beliau turut menyeru agar setiap wargapendidik untuk bersama meningkatkan bahasa kebangsaan dan menambahbaik penggunaan bahasa Kebangsaan yg kita cintai ini.

## Kitar semula, dapat duit

**AYER KEROH** - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) merekodkan nilai belian sebanyak RM5,410.68 menerusi Program AndaKitar, Kami Bayar (Wasteto Wealth) sempena Minggu Alam Sekitar MBMB 2021 di Dataran Bandaraya MBMB secara pandu lalu, baru-baru ini.

Datuk Bandar MBMB, Datuk Zainal Abu berkata, daripada jumlah itu sejumlah RM2,246.40 adalah pembelian semula minyak terpakai biodiesel (1,248 kilogram), barang e-waste (barang

elektronik terpakai) seberat 1,858.65 kilogram dengan nilai pembelian semula RM371.73.

"Selain barang fabrik seberat 4,595 kilogram dengan nilai belian semula RM495 serta barang 3R seberat

2,370 kilogram dengan nilai belian semula RM438.90.

"Program diadakan dari jam 9 pagi hingga 1 petang ini sekali gus menggalakkan orang ramai untuk menjana pendapatan melalui belian semula produk 3R," katanya.



ANTARA barang kitar semula yang dibeli MBMB daripada penduduk setempat.

# MICTH, TM jalin kerjasama

**KUALA LUMPUR** - Melaka ICT Holdings Sdn Bhd (MICTH) menjadi antara sembilan penyedia menara telekomunikasi (TowerCos) yang menjalankan kerjasama dengan Telekom Malaysia Bhd (TM), melalui cabang perniagaan borong domestik dan antarabangsa TM Wholesale.

Kerjasama itu dimeterai dalam satu majlis yang diadakan di Johor Bahru, baru-baru ini dengan TM TM diwakili oleh Naib Presiden Eksekutif TM Wholesale Amar Huzaime Md Deris.

Manakala MICTH diwakili oleh Timbalan Peng-



rahnya, Datuk Mohd Fauzi Yaakub dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dr Nazdiana Ad Wahab.

TM berkata, kerjasama itu akan membolehkan TM mengakses fasiliti tapak menara telekomunikasi syarikat.

Selain itu, ia juga membolehkan rangkaian fiber optik berkelajuan tinggi disambungkan ke menara, bagi membolehkan prestasi dan kemampuan rangkaian yang berkual-

iti tinggi.

"Kami komited bagi memastikan industri telekomunikasi nasional dilengkapi dengan sambungan canggih dan penyelesaian infrastruktur fiber yang meluas sebagai pemangkin untuk mempercepatkan penyampaian pengalaman digital berkualiti tinggi kepada semua rakyat Malaysia.

"Ini akan membolehkan penyedia perkhidmatan memberi perkhidmatan kepada pelanggan mereka dengan kelajuan sambungan yang lebih pantas dan kapasiti lebar jalur yang lebih besar untuk perkhidmatan 4G semasa dan



MOHD Fauzi (dua dari kiri) dan Amar Huzaime (dua dari kanan) menunjukkan kerjasama yang dimerai dalam satu majlis di Johor Bahru, baru-baru ini.

di masa hadapan di seluruh negara.

"Kerjasama itu juga memperlihatkan TM sebagai pemboleh Digital Malaysia dalam menyokong aspirasi digital negara, termasuk Jalinan Digital Negara (JENDELA)

dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (My-DIGITAL)," kata TM dalam satu kenyataan.

Selain MICTH, lapan lagi TowerCos yang bekerjasama dengan TM ialah D'Harmoni Telco Infra Sdn Bhd, Perlis

Comm Sdn Bhd, Infra Quest Sdn Bhd, Perak Integrated Network Services Sdn Bhd, EdgePoint Towers Sdn. Bhd, PDC Telecommunication Services Sdn Bhd, Desabina Industries Sdn Bhd, dan Yiked Bina Sdn Bhd.

## Pembentangan RM110 juta bantu usahawantani mikro, PKS

**KUALA LUMPUR** - Agrobank, dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan RM110 juta bagi menyokong usahawan tani mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Agrobank dalam satu kejayaan berkata, dana itu diperuntukkan menerusi kempen pemberian yang dinamakan Dana Agromakanan Keluarga Malaysia sempena konsep Keluarga Malaysia.

Dana tersebut diwujudkan bagi memastikan kemapanan sektor pertanian dan industri makanan sekali gus merangsang pertumbuhan ekonomi.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee telah menyerahkan replika cek kempen tersebut kepada Pengurus Agrobank Datuk Mustapha Buang di ibu pejabat

Agrobank, baru-baru ini.

Kiandee berkata, pelancaran kempen tersebut adalah selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang bertujuan memacu pembangunan dan modenisasi industri agromakanan bagi tempoh 10 tahun yang akan datang dan Agrobank komited untuk menyokong usaha DAN 2.0 ini.

"Ia akan disalurkan melalui dua program pemberian Agrobank. Pemberian yang pertama ialah Agromakanan (PENJANA), sebuah program pemberian usahawan khusus untuk perusahaan mikro dan kumpulan B40 dengan peruntukan dana sebanyak RM50 juta, menawarkan pemberian maksimum sehingga RM50,000 dan kadar keuntungan serendah 3.5 peratus setahun.

"Sementara itu, yang kedua ialah Dana Pemberian

Agromakanan (DPA), pemberian khusus untuk usahawan tani dalam industri makanan untuk meningkatkan pengeluaran tempatan dan mengurangkan import dengan peruntukan dana sebanyak RM60 juta," katanya.

Dana tersebut menawarkan pemberian sehingga RM10 juta dengan kadar keuntungan serendah 3.5 peratus setahun bagi pemberian RM5 juta - RM10 juta, jelas Kiandee.

Agrobank akan menawarkan pengecualian jika jaminan untuk kedua-dua dana Agromakanan (PENJANA) dan DPA sepanjang tempoh kempen berkenaan.

Kempen itu sah sehingga keseluruhan dana berjumlah RM110 juta tersebut digunakan sepenuhnya atau sehingga 31 Dis, 2021. - BERNAMA

### PEJABAT TYT YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

#### KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perkhidmatan berikut:

No. Rujukan	Tajuk Sebutharga	Kod Bidang	Tarikh & Masa Tutup Sebutharga
PTYT 400/1/3(36)	Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Bangunan Pejabat TYT yang di-Pertua Negeri Melaka	221001 - Mencuci Bangunan & 221002 - Membersih Kawasan	05 November 2021 (Jumaat) Jam 12.00 tgh.

2. Dokumen sebutharga boleh didapati di Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka, Jalan Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka dengan percuma pada waktu pejabat seperti berikut:

Ismi hingga Khamis : 8.00 pagi - 12.45 tengah hari dan 2.00 petang - 5.00 petang

Jumaat : 8.00 pagi - 12.00 tengah hari dan 2.45 petang - 5.00 petang

3. Pemohon dibenarkan melihat kawasan bangunan Pejabat TYT pada bila-bila masa waktu Pejabat.

4. Dokumen yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeterai dan di tulis "SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN PEJABAT TYT YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA" di penjuru kiri sampul berkenaan. Dokumen hendaklah dihantar di alamat di atas pada atau sebelum tarikh tutup. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka tidak terikat untuk menerima Sebutharga dengan harga terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka adalah muktamad

Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui talian berikut:

06-2307218



RONALD Kiandee menyerahkan replika cek RM110 juta bersempena kempen Dana Agromakanan Keluarga Malaysia kepada Agrobank.

# Sukma Johor tangguh 2024



JAWATANKUASA tertinggi Sukan Malaysia (Sukma) pada 28 Okt lalu bersetuju agar penganjuran temasya sukan terbesar negarai itu di Johor pada tahun hadapan, ditangguhkan ke 2024.

Perkembangan itu disahkan Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa tersebut, yang meneliti status laporan terkini penganjuran Sukma dan Para Sukma Johor 2020.

Bagaimanapun, Ahmad Faizal berkata jawatankuasa sama turut bersetuju supaya Majlis Sukan Negara (MSN) menganjurkan Sukma dan Para Sukma 2022 di Kuala Lumpur.

"Tarikh penganjuran kedua-dua temasya berkenaan akan dicadangkan oleh pihak MSN untuk kelulusan Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia dan Para Sukma akan datang.

"Seterusnya, pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan mengemukakan cadangan ini kepada Mesyuarat Jemaah Menteri untuk tujuan kelulusan pelaksanaan temasya ini," katanya.

Untuk rekod SukmaJohor 2020, yang sepatutnya berlangsung pada 6 hingga 14 Mac 2021, dan Para Sukma pada 5 hingga 10 April dibatalkan sekali lagi, berikutan peningkatan kes COVID-19 tahun ini. - BERNAMA



AHMAD Faizal

## Badminton Terbuka Malaysia dibatalkan lagi



AKSI Terbuka Malaysia terpaksa dibatalkan buat tahun kedua berturut-turut. (FOTO: stadium.gov)

**PERSEKUTUAN** Badminton Dunia (BWF) pada 28 Okt lalu mengesahkan Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia dibatalkan buat tahun kedua berturut-turut.

Tanpa menyatakan sebarang sebab, BWF selaku badan induk dunia mengumumkan pembatalan kejohanan 'Jelajah Dunia Super 750' itu bersama pengumuman jadual baharu kalendar 2022 dalam laman sesawang rasmi mereka, [www.bwfbadminton.com](http://www.bwfbadminton.com).

Terbuka Malaysia 2021 pada asalnya dijadualkan berlangsung pada 25-30 Mei di Arena Axia, sebelum ditangguhkan pada awal Mei, disebabkan peningkatan kes COVID-19 pada ketika itu.

Edisi 2020 yang dijadualkan pada 31 Mac sehingga 5 April tahun lepas juga telah dibatalkan akibat pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Sementara itu BWF mengumumkan bahawa Terbuka Malaysia tahun hadapan dijadualkan berlangsung dari 28 Jun hingga 3 Julai, diikuti dengan Masters Malaysia 5-10 Julai.

Mengikut kalender yang dikeluarkan itu, musim 2022 akan bermula di India dengan tiga kejohanan berturut-turut iaitu Terbuka India dari 11-16 Jan, Antarabangsa India Syed Modi (18-23 Jan), Terbuka Odisha (25-30 Jan), dan All England pada 16-20 Mei.

Peringkat Akhir Piala Thomas dan Piala Uber 2022 akan berlangsung dari 8-15 Mei di Bangkok, Thailand dan Kejuaraan Dunia dihoskan Jepun dari 21-28 Ogos, manakala musim 2022 akan ditutup dengan Jelajah Dunia BWF Akhir yang akan berlangsung 14-18 Dis di Guangzhou, China.

Sentiasa Agung BWF Thomas Lund berkata, kalender tahun hadapan mempunyai beberapa kejohanan kluster yang dirancangkan, bagi mengurangkan kesukaran masalah pergerakan antara negara.

"Sudah tentunya kejohanan pada 2022 akan mengenakan arahan keselamatan BWF. Bagaimanapun BWF berharap perubahan secara beransur-ansur dalam melaksanakan kejohanan dengan pengurangan sekatan COVID-19, pada ketika secara perlahan-lahan kembali kepada keadaan normal dengan pengurangan sekatan dalam penganjuran acara antarabangsa," katanya. - BERNAMA

## NFDP tidak akan ditutup

**PERSATUAN** Bola Sepak Malaysia (FAM) menafikan khabar angin bahawa Program Pembangunan Bola Sepak Negara (NFDP) termasuk Akademi Bola Sepak Mokhtar Dahari (AMD) di Gambang, Pahang akan ditutup.

Sentiasa Agung FAM, Mohd Saifuddin Abu Bakar berkata, PPBN yang dilancarkan pada 2014 dengan visi melahirkan ramai pemain bola sepak bertaraf dunia secara konsisten itu tetap diteruskan.

"Kalau ada cerita hendak tutup NFDP itu tidak benar, kita (FAM) memang sentiasa memikirkan soal pembangunan. Pembangunan ini kita tidak akan dapat (hasil) hari ini, esok kita dapat hasilnya dan jika usaha itu sejati yang memang bagus kita akan teruskan."

"Program ini juga melibatkan banyak parti, kerajaan, MSN, Kementerian Belia dan Sukan) dan sebagainya. Memang kita alu-alukan (program diteruskan) dan kalau kita perlu tambah baik, kita akan buat," katanya.

Mohd Saifuddin berkata demikian selepas menghadiri mesyuarat jawatankuasa kerja bersama Majlis Sukan Negara (MSN) dan pemegang taruh lain yang dipengerusikan Ketua Pengarah MSN Datuk Ahmad Shapawi Ismail, 26 Okt lalu.

Sebelum ini, timbul khabar angin terdapat segelintir individu yang cuba melobi supaya PPBN ditutup sekali gus menimbulkan keresahan dalam komuniti bola sepak tempa-

tan terhadap hala tuju pembangunan bola sepak negara di peringkat akar umbi.

Sementara itu, Mohd Saifuddin turut mengesahkan Skuad Projek FAM-MSN yang ditubuhkan pada penghujung 2020 tidak akan dimansuhkan.

Katanya, pasukan itu yang menamatkan kempen Liga Premier musim ini di kedudukan terorot dengan hanya meraih satu kemenangan dalam keseluruhan 20 perlawanan, akan kekal bersaing pada musim 2022 dan perkara itu turut dipersempurna MSN.

"Skuad Projek FAM-MSN memang kita tubuhkan khas untuk pemain AMD. Pemain AMD ini kalau mereka berlatih sahaja tetapi tidak ada kejohanan kompetitif, mereka tidak akan kemana. Jadi skuad ini masih akan dikekalkan."

"Dengan adanya skuad ini, kita akan ada banyak pilihan pemain dalam persediaan kita ke arah 2024. Kita menyasarkan Olimpik 2024 dengan mempunyai banyak pilihan pemain termasuk skuad Bawah 17 Tahun (B-17) dan Bawah 23 Tahun (B-23)," katanya.

Sebanyak 30 pelatih dalam kalangan lepasan AMD, produk Piala Belia dan Piala Presiden, Sekolah Sukan Malaysia dan Negeri serta Pusat Latihan Daerah (PLD) di bawah PPBN telah dikumpulkan bagi membentuk skuad perintis Skuad Projek FAM-MSN. - BERNAMA



**KUMPULAN C**

		P	W	S	L	G	B	PTS
1		3	3	0	0	7	2	9
2		3	1	0	1	7	3	6
3		3	1	0	1	1	5	3
4		3	0	0	3	1	6	0

\*Kemenangan 3-0 telah diberikan secara automatik kepada pasukan lawan Negeri Sembilan FC susulan penarikan diri Negeri Sembilan FC dari saingan TM Piala Malaysia 2021.



**PROGRAM AKAR UMBI DITERUSKAN**  
• Lihat muka 23

# Sukan

MELAKA HARI INI

**SUKMA JOHOR  
TANGGUH LAGI**  
• Lihat muka 23 >>



**AKSI Sony Norde meraikan jaringannya dalam aksi menentang Kelantan United di Stadium Hang Jebat.**  
(FOTO: Melaka United FC)



# Melaka United tempah tiket suku akhir

**Fiqi Jamal**  
FOTO Melaka United FC

**KELAB** Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) menempah tiket ke suku akhir saingan Piala Malaysia selepas mewaskan Kelantan United FC 2-1 di Stadium Hang Jebat, 29 Okt lalu.

Kemenangan di hadapan penyokong sendiri itu turut mengekalkan rekod bersih tiga kemenangan berturut-turut buat anak buah Zainal Abidin Hassan dalam kumpulan C saingan bola sepak tertua negara itu.

Dalam aksi itu, Melaka United selaku tuan rumah tidak menunggu lama untuk mengancam kubu pertahanan Kelantan United.

Bagaimanapun beberapa percubaan awal yang dijelmakan Sony Norde dan Manuel Ott gagal diterjemahkan menjadi gol.

Peluang terbaik skuad Hang Tuah untuk memecah kebuntuan hadir pada minit ke-24. Malangnya bola hantaran Adriano yang disambut Wan Zaharulnizam Wan Zakaria sekadar menggegar tiang.

Namun, gol yang dicari-cari tuan rumah akhirnya muncul pada minit ke-25.

Ia selepas Norde bijak mencuri bola hasil kesilapan pemain pertahanan Kelantan United untuk meletakkan Melaka United di depan.

Tuan rumah hampir sahaja menggadakan jaringan, enam minit selepas itu menerusi Adriano.

Namun sekali lagi, tiang menjadi pemisah buat tuan rumah selesa di depan.

Sedang Melaka rancak melakukan serangan, mereka dikejutkan dengan gol penyamaan Kelantan United pada minit ke-43.

Gol itu dijaringkan Shuhei Fukai yang berjaya menanduk masuk bola sepakan percuma Mohd Fitri Omar.

Keputusan 1-1 kekal selepas tamat 45 minit separuh masa pertama.

Bersambung di babak kedua, tuan rumah tidak menunggu lama untuk melaukan asakan dalam kembali di depan.

Asakan demi asakan akhirnya membawa hasil apabila Melaka United berjaya menjaringkan gol kedua pada minit

ke-54 menerusi Adriano.

Gol itu berhasil menerusi sepakan kencah dari luar kotak penalti oleh penyerang import Brazil itu selepas menerima hantaran S Kumaahran.

Selepas itu, tidak banyak aksi berbahaya dipamerkan kedua-dua pasukan dengan tempo perlawanan juga diperlakukan apabila hujan mula turun.

Keputusan 2-1 kekal selepas pengadil perlawanan S Logeswaran meniupkan wisel penamat.

Kemenangan itu membolehkan Melaka United mengukuhkan cengkaman selaku pendahulu kumpulan C dengan mengutip 12 mata termasuk tiga mata percuma yang diperoleh selepas Negeri Sembilan FC menarik diri dari saingan akibat pandemik COVID-19.

Selepas ini, Melaka United dijadual menentang Kelantan United sekali lagi di tempat lawan pada 1 Nov dan aksi terakhir peringkat kumpulan akan berlangsung di Stadium Hang Jebat dalam aksi bertemu Kedah Darul Aman FC, 9 Nov depan.

KEPUTUSAN PERLAWANAN	
2	1
MELAKA UNITED FC	KELANTAN UNITED FC
53' Adriano	43' Shuhei Fukai
JADUAL PERLAWANAN	
09 November 2021	
9.00 malam	
Stadium Hang Jebat	
MELAKA UNITED FC	KEDAH DARUL AMAN FC

www.melakahariini.my Melaka Hari Ini Melaka Tv Grafik : Melaka Hari Ini Sumber : Malaysia Football League (MFL)